

INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)
www.ijepc.com



PEMIKIRAN KEROHANIAN GOLONGAN REMAJA MELAYU DALAM NOVEL KOMSAS 2020 BERDASARKAN PEMIKIRAN PENGARANG

*SPIRITUAL DISCOURSE OF MALAY ADOLESCENTS IN THE NOVEL
DESTINASI IMPIAN BASED ON THE SPB4K THEORY: AN ANALYSIS OF
SOCIAL CONTROVERSY AND CRITICISM*

Noraini Ibrahim¹, Hasrina Baharum^{2*}

¹ Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak Darul Ridzuan 35900, Malaysia

Email: norfini2008@gmail.com

² Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak Darul Ridzuan 35900, Malaysia

Email: hasrina@fbk.upsi.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 30.03.2025

Revised date: 17.04.2025

Accepted date: 26.05.2025

Published date: 24.06.2025

To cite this document:

Ibrahim, N., & Baharum, H. (2025). Pemikiran Kerohanian Golongan Remaja Melayu Dalam Novel Komsas 2020 Berdasarkan Pemikiran Pengarang. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 10 (58), 776-811.

DOI: 10.35631/IJEPC.1058050.

Abstract:

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang diketengahkan dalam lima buah novel KOMSAS 2020 berdasarkan pemikiran pengarang. Melalui pendekatan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diasaskan oleh Mohd Yusof Hassan, kajian ini menumpukan kepada aspek pemikiran kerohanian sebagai unsur dominan dalam pengolahan watak, dialog dan peristiwa. Lima buah novel dianalisis secara kualitatif untuk mengenal pasti pemikiran rohani yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Tuhan, sesama manusia dan alam. Dapatkan kajian membuktikan bahawa karya-karya ini sarat dengan unsur kerohanian yang mampu membentuk keperibadian dan jati diri remaja Melayu, seterusnya menyokong aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Kajian ini mengukuhkan peranan novel remaja sebagai medium pembentukan sahsiah melalui pendekatan sastera yang berteraskan nilai spiritual.

Katakunci:

Pemikiran Kerohanian, Remaja Melayu, Novel KOMSAS, SPB4K, Pemikiran Pengarang

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstract:

This study aims to analyse the spiritual thought of Malay adolescents as portrayed in five selected novels from the 2020 KOMSAS syllabus, based on the worldview and philosophical perspectives of the authors. Employing the theoretical framework of the Integrated Thinking System 4K (SPB4K), pioneered by Mohd Yusof Hassan, this research focuses on spiritual thinking as the dominant element manifested through character development, dialogue, and narrative events. The five novels were analysed qualitatively to identify spiritual values related to human relationships with God, fellow human beings, and the natural world. The findings reveal that these literary works are rich in spiritual elements that have the potential to shape the personality and identity of Malay adolescents, thereby aligning with the aspirations of the National Education Philosophy (NEP). This study affirms the significant role of adolescent literature, particularly the KOMSAS novels, as a medium for character development through a literary approach grounded in spiritual values.

Keywords:

Spiritual Thinking, Malay Adolescents, KOMSAS Novel, SPB4K, Authorial Thought

Pengenalan

Genre novel terkandung dalam komponen Kesusastraan Melayu (KOMSAS) menjadi wadah pengarang untuk menyampaikan mesej dan pemikiran mereka kepada khalayak pembaca khususnya golongan remaja. Tanpa pemikiran dan idea daripada pengarang, sesuatu karya dan penulisan tidak akan berjaya dihasilkan (Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah, 2019). Hal ini kerana, pemikiran merupakan proses membina ilmu dan kefahaman yang melibatkan aktiviti mental dalam otak manusia. Semasa berfikir, otak manusia akan bertindak dengan memahami ransangan luar yang diterima melalui deria, membentuk konsep, membuat tafsiran dan tindak balas berdasarkan pengalaman yang sedia ada dalam ingatan.

Terdapat banyak definisi serta konsep pemikiran yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi. Misalnya Naffi Mat (2012) mendefinisikan pemikiran sebagai aktiviti mental dalam sesuatu proses untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Komponen Kesusastraan Melayu (KOMSAS) dalam kurikulum Bahasa Melayu berfungsi sebagai wahana utama untuk menyampaikan nilai murni, pendidikan moral dan kerohanian dalam kalangan pelajar, khususnya remaja Melayu. Pengarang sebagai pencipta karya memainkan peranan penting dalam menyalurkan pemikiran mereka melalui pelbagai naratif dan perwatakan. Tanpa kehadiran pemikiran pengarang, sesebuah karya tidak akan dapat menggambarkan isu, nilai atau pemahaman budaya yang realistik (Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Mohd Hanafiah, 2019). Pemikiran ialah satu proses mental yang membentuk kefahaman berdasarkan pengalaman dan pengamatan. Naffi Mat (2012) mentakrifkan pemikiran sebagai proses menyelesaikan masalah melalui aktiviti mental yang kompleks. Dalam konteks kesusastraan, pemikiran pengarang seringkali mencerminkan gagasan utama yang cuba disampaikan kepada pembaca, khususnya dalam karya-karya bertemakan pendidikan kerohanian dan pembangunan sahsiah remaja.

Permasalahan Kajian

Kajian mendapati rasa tidak puas hati panel penilai Hadiah Perdana Malaysia juga termasuk novel remaja dan dikatakan novel remaja kurang berkualiti dari segi mutu penghasilan dari aspek pemikiran pengarang (*Dewan Sastera*, 2015). Jadi pemilihan novel KOMSAS perlu mengikut enam kriteria yang dicadangkan dalam kajian Ariff Mohamad (2009) kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia sebelum memilih mana-mana teks. Enam ciri tersebut ialah teks yang mudah difahami dan menarik, berupaya meningkatkan kemahiran bahasa pelajar, mengandungi nilai murni, mempunyai ciri baik dan berkualiti, sesuai dan dapat dihayati serta teks yang mudah difahami. Berdasarkan perbincangan di atas, maka jelaslah bahawa novel remaja khususnya novel KOMSAS sering dianggap tidak mempunyai nilai sastera dan tidak mengetengahkan fakta seperti yang digambarkan melalui dialog, watak-watak dan peristiwa dalam novel tersebut (Maisarah Yaacob, 2017).

Kepentingan Kajian

Kajian ini mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan pemikiran pengarang menggunakan teori SPB4K (Sistem Pemikiran Bersepadu 4K) janaan Yusof Hasan. Difokuskan kepada pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikian dan pemikiran kekreatifan. Pengkaji memfokuskan kajian kepada aspek pemikiran yang paling dominan berdasarkan lima novel KOMSAS 2020 iaitu pemikiran kerohanian dengan memberi penekanan bahawa pelbagai karya remaja haruslah menggunakan pandangan dunia remaja daripada aspek pengolahan dan dari sudut pemikiran pengarangnya. Kajian pemikiran kerohanian yang diungkapkan dalam karya sastera seperti novel KOMSAS adalah sangat menarik untuk dikaji. Hal ini kerana pemikiran khususnya pemikiran kerohanian merupakan pusat utama yang dapat dilihat melalui gagasan seseorang pengarang dalam menyampaikan perjuangan mereka menerusi hasil seninya (Mohd Yusof Hassan, 2012). Pemikiran pengarang menjadi inti dan unsur paling dasar dalam penghasilan karya, terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar, menghubungkan pertalian antara satu peristiwa dan mencari sebab akibat bagi memahami punca sesuatu kejadian. Idea yang diperoleh dicernakan ke dalam karya secara kreatif yang dapat dilihat secara tersurat dan tersirat. Maka bermulalah pengkaji sastera atau pembaca khususnya golongan remaja Melayu menggunakan kebijaksanaan akalnya memperlihatkan sesuatu fenomena secara bersepada.

Sehubungan dengan itu, kajian perlu dilakukan bagi merungkai permasalahan tersebut. Berdasarkan pemikiran pengarang, apakah pemikiran dominan golongan remaja Melayu yang terkandung dalam novel KOMSAS 2020? Adakah benar novel remaja iaitu novel KOMSAS 2020 tidak mengetengah pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dan terhasil daripada khayalan pengarang semata? Sebagai kesimpulan awal, timbul persoalan sama ada novel-novel KOMSAS 2020 benar-benar mampu menyampaikan pemikiran kerohanian yang jitu atau hanya bersifat khayalan pengarang semata-mata. Justeru, kajian ini berusaha menjawab persoalan tersebut dengan mendalam melalui pendekatan analitis dan interpretatif, seterusnya mengangkat pemikiran kerohanian sebagai satu asas penting dalam pembentukan jati diri remaja Melayu.

Inilah isu yang akan dibincangkan dalam kajian ini dengan meneliti unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam lima novel KOMSAS 2020 iaitu 1) novel *Destinasi Impian* (2014) karya Ismail Sarbini, 2) novel *Meniti Impian* (2018) karya Osman Ayob, 3) novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya, 4) novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) karya Abdul Latip bin Talib dan 5) novel *Tirani* (2018) karya Beb Sabariah. Diharapkan kajian ini akan memberi kesan kehidupan sosial kepada remaja Melayu dan semua golongan remaja amnya. Aspek estetika bukan hanya terbatas kepada apa yang dipandang oleh mata kasar, tetapi juga dapat diselami melalui mesej pemikiran kerohanian atau sentuhan rohani ke dalam jiwa remaja pembaca khususnya remaja Melayu menerusi novel KOMSAS 2020 berdasarkan pemikiran pengarang menggunakan teori SPB4K.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti pemikiran dominan golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K.
2. Menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang terdapat dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan pemikiran pengarang menggunakan teori SPB4K.

Sorotan Literatur

Kajian lepas menunjukkan bahawa pemikiran kerohanian sering menjadi teras dalam karya sastera yang bertujuan membentuk sahsiah dan jati diri golongan remaja. Menurut Mohd Yusof Hassan (2012), karya sastera tidak hanya menjadi cerminan masyarakat, malah berperanan membina sistem nilai dan pandangan hidup. Beberapa kajian seperti oleh Siti Khariah Mohd Zubir (2014) dan Nur Rhaudah Hj. Siren (2006) telah menganalisis peranan novel remaja dalam menyampaikan mesej moral dan kerohanian, namun penekanan terhadap pemikiran kerohanian berteraskan SPB4K masih belum diterokai secara menyeluruh. Hasrina Baharum et al. (2018) menekankan fungsi novel sebagai wahana pemupukan nilai-nilai kerohanian dan perpaduan, manakala Normaizatul Anis Ahmad dan Halis Azhan (2019) memperincikan bagaimana pemikiran pengarang mampu merangsang pemikiran pembaca terhadap isu rohani dan moral. Kajian ini mengisi jurang dengan menggabungkan teori SPB4K dalam menganalisis pemikiran kerohanian remaja Melayu.

Hasil daripada penelitian pengkaji didapati beberapa kajian telah dijalankan berkaitan novel remaja mahupun KOMSAS yang amat menarik untuk dibincangkan. Antaranya ialah Morni binti Hussin (2019) dengan tesis doktor falsafah dari Universiti Putra Malaysia berjudul *Aspek Ketuhanan dan Kemanusiaan dalam Novel Terpilih Tiga Sasterawan Negara*. Sasterawan Negara menggunakan pelbagai unsur pemikiran yang berdasarkan pengalaman hidup dan pengamatan mereka kepada situasi masyarakat mengikut mengikut perkembangan masa. Menerusi medium sastera, Sasterawan Negara dilihat menyampaikan mesej yang sangat berguna dalam kehidupan bermasyarakat apabila menjadikan aspek ketuhanan yang berlandaskan Al-Quran dan Sunnah Nabi Muhammad SAW dan aspek kemanusiaan dari pengalaman hidup secara jujur sebagai kerangka pemikiran mereka. Sehubungan dengan itu, khazanah pemikiran Sasterawan Negara melalui novel senantiasa diterokai oleh pengkaji sastera dalam usaha mentafsir pemikiran Sasterawan Negara secara tersurat dan tersirat. Kajian ini mendapati pemikiran sasterawan Negara mempunyai kaitan dengan elemen ketuhanan, kemanusiaan dan alam yang merupakan sebahagian dari perbincangan teori sosiologi kesusasteraan Melayu. Hasil kajian menunjukkan analisis menggunakan kerangka

konseptual menegak dan mendatar dan teknik sudut pandangan sangat berkesan dalam konteks memberi kejelasan tentang elemen-elemen yang digarap oleh Sasterawan Negara.

Kajian Farra Humairah binti Mohd (2018) tesis doktor falsafah dari Universiti Putra Malaysia bertajuk *Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 hingga 2015*. Pemikiran dalam cerpen kanak-kanak bermaksud idea pokok atau gagasan yang diketengahkan oleh pengarang menerusi koleksi cerita yang berlatarkan dunia kanak-kanak sepenuhnya. Berdasarkan penelitian, pengkaji mendapati cerpen kanak-kanak dari tahun 2012-2015 mencetuskan rasa tidak puas hati beberapa panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) kerana dikatakan kemerosotan mutu penghasilan iaitu dari aspek pemikiran. Terdapat juga kritikan daripada para sarjana tempatan beranggapan bahawa cerpen kanak-kanak ini ditulis mengikut kaca mata penulis dewasa dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak serta tidak memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti pemikiran berdasarkan konsep pemikiran tokoh sarjana yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan (janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang dan merumus pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 hingga 2015. Metodologi kajian menggunakan pendekatan kualitatif dengan kajian kepustakaan dan kajian analisis teks. Instrumen yang diguna ialah senarai semak analisis teks dengan menggunakan model keperluan kanak-kanak. Dapatkan kajian menunjukkan terdapat lima pemikiran iaitu keagamaan, budaya, pendidikan, politik dan ekonomi. Pemikiran keagamaan dan pendidikan paling dominan diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak tersebut. Kajian ini menjadi tarikan kepada pengkaji semasa untuk mengkaji aspek pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K janaan Yusof Hassan (2007).

Teori Hashim Awang) dan merumus pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen pilihan dari tahun 2012 hingga 2015. Lanjutan daripada kajian inilah maka, pengkaji semasa telah memfokuskan kepada kajian pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS berdasarkan teori SPB4K bagi merungkai kelompongan yang berlaku dalam pengkajian aspek pemikiran kerohanian remaja.

Maisarah Yaacob (2017) dalam tesis doktor falsafah dari Univeriti Putra Malaysia berjudul *Unsur Tarbiah dalam Novel Komsas*. Kajian ini meneliti unsur tarbiah yang terkandung dalam novel KOMSAS berdasarkan tujuh prinsip dalam Teori Takmilah. Dalam kajian, Maisarah menganalisis unsur tarbiah terhadap 19 buah novel KOMSAS (2010 sehingga 2016) mengikut ketetapan Kementerian Pelajaran Malaysia. Objektif kajian adalah mengenal pasti unsur-unsur tarbiah dalam novel KOMSAS berdasarkan Teori Takmilah dari segi kesejarahannya. Analisis mengikut sembilan unsur tarbiah dan terbahagi kepada dua aspek utama iaitu Hubungan Manusia dengan Allah (Habl' min Allah) dan Hubungan Manusia dengan Manusia (Habl' min al-Nas) seperti yang digariskan dalam Teori Takmilah. Didapati, Maisarah menyusun unsur tarbiah paling dominan adalah bersungguh-sungguh, diikuti unsur reda dengan ketentuan Allah SWT, ketiga unsur kemaafan, keempat unsur taat dan takut kepada Allah, kreativiti dan optimistik, unsur kepimpinan, cinta kepada alam dan bilangan keenam adalah ilmu dalam sastera. Novel *Melunas Rindu* menepati pelbagai criteria yang dikaji dan merupakan novel yang dmengandungi enam prinsip dalam teori Takmilah. Kajian ini banyak dikaitkan dengan keagamaan dan kurang menyentuh mengenai unsur

pemikiran kerohanian khususnya pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020.

Seterusnya pengamatan dilakukan dengan meneliti kajian Nurhamizah Hashim (2015) dalam tesis kedoktoran beliau di Universiti Malaya yang berjudul *Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-Novel Remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU)*. Kajian ini menganalisis enam buah novel remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU), karya enam orang pengarang dengan menggunakan Pendekatan Hierarki Keperluan Remaja yang telah diubahsuai dari Hierarki Keperluan Manusia. Novel Komsas, novel *Merenang Gelora* (2002) dan novel *Jendela Menghadap Jalan* (2009) juga terpilih dalam kajian ini. Analisis menggunakan lima peringkat utama dalam pendekatan Hierarki Keperluan Remaja, iaitu keperluan kepada fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan kendiri dan penyempurnaan kendiri. Permasalahan kajian yang bertolak daripada tempoh dan usia remaja akan wujud pelbagai keperluan, keinginan dan kehendak bagi memenuhi impian, matlamat, visi dan misi yang dicita-citakan oleh mereka. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti keperluan watak remaja berdasarkan aplikasi Pendekatan Hierarki Keperluan Remaja serta merumuskan keperluan watak remaja yang dominan dalam setiap peringkat hierarki dari enam buah novel remaja. Watak remaja tersebut merupakan cerminan remaja di alam realiti dan keperluan keinginan dan kehendak watak remaja yang ditonjolkan oleh pengarang merupakan keperluan remaja sebenar.

Seterusnya, kajian dilakukan oleh Hasrina Baharum dan Nordiana Hamzah (2017) berjudul *Teks KOMSAS Sebagai Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Peribahasa Melayu Melalui Pendekatan Kontekstual*. Kajian ini membincangkan pengajaran dalam pembelajaran peribahasa sangat penting dalam konteks pengajaran bahasa Melayu bagi mempertingkatkan kemahiran berbahasa dalam kalangan pelajar terutamanya penulisan karangan dan juga aktiviti lisan lain seperti pidato, debat, dan syaraahan. Pengajaran dan pembelajaran peribahasa dalam bahasa Melayu penting dalam mendedahkan pelajar kepada falsafah pemikiran dan moral Melayu sejarah dengan objektif Falsafah Pendidikan Kebangsaan untuk melahirkan pelajar seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Sehubungan itu, pelajar perlu diajar dan belajar tentang peribahasa dengan cara yang lebih berkesan, bukan dengan menghafal maksud peribahasa tanpa mengetahui konteks penggunaannya. Kajian ini menganalisis novel *Sejambak Bakti* sebuah novel KOMSAS Tingkatan 1 karya Rejab F.I. berdasarkan pendekatan kontekstual dalam pengajaran bagi membantu pelajar memahami maksud peribahasa dengan lebih berkesan yang dikaitkan dengan pengalaman sebenar pelajar.

Seterusnya kajian Husairi Hussin et.al. (2020) kajian berjudul *Keupayaan Novel KOMSAS Menerapkan Nilai Perpaduan Bersikap Terbuka dalam Kalangan Murid*. Dalam kajian menyebut perpaduan kaum sudah lama wujud dan sebatی dalam kehidupan masyarakat di Negara kita, walaupun adakalanya pergeseran adakalanya berlaku dari segi politik, sosial dan ekonomi. Bagi memastikan perpaduan kaum kekal terpelihara, sistem pendidikan kebangsaan melalui KSSM diperkenalkan untuk meningkatkan keharmonian masyarakat. Melalui Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan nilai perpaduan untuk dipelajari murid-murid melalui karya KOMSAS. Kajian ini bagi mengenal pasti keupayaan kandungan novel *Jendela Menghadap Jalan* mengujudkan perpaduan kaum dipadankan dengan Teori Cerminan Lukacs mengikut

nilai perpaduan dalam KSSM. Dua pendekatan digunakan oleh pengarang untuk penelitian nilai perpaduan dalam karya, iaitu pendekatan dialog dan pemerian. Dapatkan kajian memberi implikasi, iaitu pemupukan perpaduan untuk keharmonian kaum di Negara ini dapat diterapkan menerusi novel KOMSAS. Menurut pandangan pengkaji semasa, kajian ini dapat ditambahbaik lagi dengan gabungan unsur pemikiran kerohanian dalam jiwa golongan remaja khususnya remaja Melayu dalam novel KOMSAS yang turut meletakkan pemikiran kerohanian kemasyarakatan yang harmoni dalam kehidupan seharian.

Selain itu, Roslan Abdul Wahid dan Nasirin Abdillah (2020) kajian berjudul *Pemikiran Peradaban Melayu dalam Cerita-cerita Pilihan Mak Yong Menerusi Perspektif Teori SPB4K*. Kajian ini menjelaskan pemikiran merupakan satu proses ke arah pembentukan teori atau modul pemikiran pendidikan yang menggunakan akal fikiran manusia untuk pelbagai tujuan. Manusia diajar agar menggunakan akal fikiran secara formal dan informal. Pemikiran dalam pendidikan adalah bertunjangkan kepada Falsafah Pendidikan Negara yang mana Kesusastraan dan karya seni Melayu terkandung pendidikan pemikiran, emosi, imaginasi dan akal budi. Seni sastera Melayu mampu membentuk personaliti individu yang unggul dalam menggarap pemikiran positif dan kreatif. Penghayatan skrip penceritaan Mak Yong yang dianalisis ialah “Anak Raja Gondang”, Eneng Tajali”, “Raja Besar Ho Gading” dan “Dewa Indera Dewa”. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti isu dan peristiwa menggunakan empat elemen pemikiran Teori SPB4K (Sistem Pemikiran Bersepadu 4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan tahun 2007. Pengkaji mendapati bahawa keempat-empat pemikiran tersebut iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan diadun dalam sebuah pemikiran peradaban Melayu yang mampu mewujudkan kesedaran dalam diri individu.

Selanjutnya, kajian Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi berjudul *Pemikiran dalam Novel Pantai Kasih* (2019) yang diterbitkan dalam jurnal *Rampak Serantau*. Kajian yang dilakukan ini memfokuskan terhadap aspek pemikiran pengarang seperti pemikiran kekeluargaan, gejala sosial, kelas sosial, etika dan keagamaan. Kajian yang dilakukan ini hanya meneliti unsur sastera dari aspek pemikiran sahaja dan tidak dikaitkan dengan unsur sains. Kajian yang dijalankan oleh Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi berjudul *Unsur Sains dan Sastera dalam novel remaja terpilih* (2019) yang diterbitkan dalam jurnal *Pendeta*. Kertas kerja ini membicarakan unsur sains dan sastera yang terdapat dalam dua novel remaja terpilih iaitu novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya dan novel *Di Sebalik Dinara* (2012) karya Dayang Noor. Kajian ini mengklasifikasi, menganalisis dan merumus unsur sains dan sastera yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan. Kajian ini menggunakan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) janaan Yusof Hassan dengan memfokuskan kepada unsur sains iaitu sains gunaan dan sains zoologi manakala unsur sastera seperti nilai murni, pemikiran, emosi dan gaya bahasa amat relevan dengan empat prinsip dalam teori SPB4K.

Kajian Nurul Raihana Abdiullah & Norila Md Salleh (2016), berjudul *Peranan Watak Utama Menerusi Penonjolan Nilai-Nilai Murni KBSM dalam Teks Novel Songket Berbenang Emas*, karya Khairuddin Ayip yang menjadi novel dikaji bagi tingkatan 5. Fokus kajian kepada nilai murni Kemahiran Bersersepada Sekolah Menengah (KBSM) yang terkandung dalam teks novel Zon 1 iaitu Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. Kandungan teks telah dianalisis untuk mengenal pasti sama ada 16 nilai murni KBSM disampaikan melalui watak

utama iaitu Dahlia. Set pengukuran nilai murni Tiga Komponen Karakter yang Baik (Components of Good Character) dalam Model Pendekatan Pendidikan Karakter oleh Thomas Lickona yang terdiri daripada dimensi pentaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral dijadikan panduan kajian untuk mengkategorikan nilai-nilai murni KBSM mengikut hierarki. Kajian ini berbeza dari segi fokus tumpuan kajian berbanding kajian semasa kerana pengkaji lebih mementingkan unsur kerohanian berkaitan kejiwaan dan ketuhanan yang mampu mempengaruhi minda seseorang remaja membentuk akhlak yang baik.

Menerusi pengamatan ini, pengkaji mendapati bahawa sangat kurang kajian-kajian lepas yang meneliti unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam KOMSAS 2020 ataupun novel remaja. Pengkaji banyak menemui unsur sastera lain yang dikaitkan aspek KOMSAS seperti puisi tradisional, prosa tradisional, drama yang diteliti oleh kebanyakan pengkaji. Antara unsur sastera tersebut ialah emosi, konflik, pemikiran, keperluan psikologi dan unsur-unsur keagamaan. Sehubungan dengan itu, kajian yang akan dilakukan ini mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K janaan Yusof Hassan. Novel-novel yang disenaraikan adalah:

- 1) Tingkatan 1: novel *Destinasi Impian* (2014) karya Ismail Sarbini,
- 2) Tingkatan 2: novel *Meniti Impian* (2018) karya Osman Ayob,
- 3) Tingkatan 3: novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya,
- 4) Tingkatan 4: novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) karya Abdul Latip bin Talib dan
- 5) Tingkatan 5: novel *Tirani* (2018) karya Beb Sabariah.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sepenuhnya berbentuk analisis kandungan. Penyelidikan kualitatif sebagai proses inkuiri ke arah pemahaman kaedah pengumpulan data yang lazim digunakan apabila meninjau sesuatu masalah sosial (Creswell,2013). Dalam analisis ini pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kepustakaan dan kaedah analisis teks sepenuhnya. Kaedah kepustakaan digunakan bagi mengumpul data atau maklumat mengenai aspek kajian bagi mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K janaan Yusof Hassan. Novel-novel dalam senarai kajian adalah 1) novel *Destinasi Impian* (2014) karya Ismail Sarbini, 2) novel *Meniti Impian* (2018) karya Osman Ayob, 3) novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya, 4) novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) karya Abdul Latip bin Talib dan 5) novel *Tirani* (2018) karya Beb Sabariah.

Ke Kelima-lima novel KOMSAS 2020 ini dipilih berdasarkan kepada beberapa kriteria. Pertama kerana novel-novel ini antara pemenang dalam pertandingan novel seperti novel *Tawanan Komander Caucasus* merupakan pemenang tempat ketiga dalam Sayembara Fiksyen Sains dan Teknologi anjuran UTM dan Kumpulan Utusan pada tahun 2010. Kedua, novel ini merupakan teks KOMSAS bagi Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5 bagi zon 2 iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wailayah Persekutuan Putrajaya. Ketiga, novel-novel ini yang paling ramai pengkaji kerana berada di lokasi Bandar utama dengan bilangan pelajar dan sekolah yang terbanyak di Malaysia. Jadi, kajian ini akan kelihatan lebih ideal dengan kebarangkalian ramainya bilangan remaja pembaca. Keempat,

kerana terdapatnya kontroversi dalam pemilihan novel KOMSAS 2020 sebagai mana berlakunya pada novel *Interlok* novel Tingkatan 5 ditukar novel, akhirnya terpaksa dikekalkan novel *Konserto Terakhir* sebelum terpilih novel *Tirani*. Kelima, kerana bersesuaian dengan judul kajian iaitu mengkaji unsur pemikiran kerohanian golongan remaja khususnya remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020.

Kerangka Teori SPB4K

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hassan (2007) digunakan sebagai asas dalam menganalisis data. Empat komponen utama dalam SPB4K ialah:

1. Pemikiran Kerohanian
2. Pemikiran Kebitaraan
3. Pemikiran Kesaintifikan
4. Pemikiran Kekreatifan

Kajian ini memberi tumpuan kepada komponen pertama – pemikiran kerohanian – yang merangkumi unsur spiritual, nilai keagamaan dan etika moral dalam naratif.

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K(SPB4K)

Bagi melengkapkan sebuah kajian ilmiah, pengkaji akan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) bagi mengukuhkan analisis kajian yang memfokuskan kepada unsur-unsur pemikiran kerohanian sahaja. Dalam konteks ini Teori SPB4K ini, pemikiran kerohanian adalah pemikiran yang berkaitan dengan kepercayaan kepada Allah S.W.T. Aspek ini berhubung kait dengan keimanan, ketauhidan dan kewahyuan yang berperanan untuk menyempurnakan ilmu fardhu ain. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihatkan hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal iaitu manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan terus dengan Allah S.W.T. Manakala hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam (Mohd Yusof Hasan,2012).

Teori ini pada awalnya dikenali sebagai teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4L (SPB4L) iaitu pemikiran Lahir, pemikiran Lahir, pemikiran Lojik dan pemikiran Lateral yang diperkenalkan oleh tokoh sarjana di Universiti Penguruan Sultan Idris (UPSI) iaitu Mohd Yusof Hasan pada tahun 2001. Kemudian pada tahun 2004, teori ini dikenali sebagai Sistem Pemikiran Bersepadu 4K. Menurut Mohd Yusof Hasan, teori ini mementingkan konsep kesepadan antara keempat-empat pemikiran tersebut. Konsep 4K terdiri daripada Kerohanian, Kebitaraan, Kesaintifikan dan Kekreatifan. Keempat-empat kemahiran pemikiran ini perlu dimiliki secara seimbang dan bertimbang balik dan bukannya secara berasingan (Mohd Yusof Hasan, 2001).

Pemikiran Kerohanian dianggap pemikiran yang amat suci, luhur dan tinggi martabatnya yang merupakan pemikiran dominan dalam novel KOMSAS 2020 iaitu fokus pengkajian ini dikhaskan kepada golongan remaja Melayu. Pemikiran kerohanian ini berhubungan dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan dan kebesaran Allah SWT. Pemikiran Kerohanian ini turut melihat dwiperanan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah SWT. Pemikiran ini akan melahirkan manusia soleh atau solehah (Mohd Yusof Hasan, 2007). Pemikiran ini menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia dan turut dianggap sebagai pemikiran keimanan. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian

melihat hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal iaitu manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan terus dengan Allah. Manakala pemikiran kerohanian hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia, dan hubungan manusia dengan alam. Hubungan ketiga-tiga aspek ini dikaitkan dengan pemikiran kerohanian yang membentuk karakter golongan remaja khususnya remaja Melayu iaitu pemikiran kerohanian sistem kekeluargaan akrab, aspek pendidikan dan aspek budaya kemasyarakatan.


Dalam konteks pemikiran kerohanian ini, umat Islam yang diwakili golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 sebagai contohnya, perlu menguasai ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah. Orang Islam khususnya remaja Melayu juga mempunyai dua fungsi yang seharusnya dipikul tanggungjawab, iaitu beramal dan beribadat kepada Allah S.W.T atas landasan dua kewajipan iaitu amar makruf yakni melakukan kebaikan. Nahi mungkar pula menjauhi daripada membuat kejahanan. Perspektif ini juga menjelaskan mengenai kedudukan umat Islam atau remaja Melayu yang mempunyai dua dunia, iaitu dunia fana dan dunia akhirat yang kekal. Seterusnya, perspektif yang menjelaskan perihal orang-orang Islam khususnya remaja Melayu wajib mengikuti ajaran Al-Quran dan sunnah Rasulullah. Perspektif ketiga pemikiran kerohanian yang menyentuh pelbagai aspek kehidupan seperti politik, ekonomi, sosial yang melibatkan pendidikan, kekeluargaan, kemasyarakatan dan kemanusiaan (Mohd Yusof Hassan, 2007). Dalam pengkajian ini diharapkan dapat membantu menjuruskam pemikiran golongan remaja khususnya remaja Melayu yang mengkaji novel KOMSAS 2020, mengambil iktibar dan menjadikan pedoman dalam kehidupan sehari-hari mereka, agar remaja generasi unggul yang diimpikan dapat direalisasikan.

Pemikiran Kebitaraan ialah pemikiran yang berkaitan dengan peranan akal dan minda manusia dengan berteraskan kebijaksanaan atau kebestarian. Pemikiran ini membawa manusia ke arah kegemilangan dan kecemerlangan dalam hidup. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ia mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat (Mohd Yusof Hasan, 2007).

Pemikiran Kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka (Mohd Yusof Hasan, 2007). Dalam komunikasi sehari-hari sesama manusia, kegiatan dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkret. Siti Khariah Mohd Zubir (2011) mengatakan bahawa melalui penghasilan sesbuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesbuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang sebenar atau benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang indah permai, suasana yang kondusif, latar masa yang sesuai, fakta yang jelas, nada yang positif, zaman yang relevan dan waktu yang jelas.

Ani Omar (2015) mentakrifkan bahawa pemikiran kreatif sebagai suatu pemikiran yang berkemampuan mencipta sesuatu yang baharu. Oleh itu, manusia perlu mempunyai sifat lateral, kreatif, inovatif, subjektif, memberi idea dan pendapat serta bersifat estetik dan falsafah. Pemikiran jenis ini tercetus dari hemisfer otak kanan atau hoka yang bersifat sastera dan seni. Pemikiran ini melahirkan insan yang sensitif, ceria, berjenaka dan optimis dalam kehidupan. Menurut Mardzelah Makhsin (2007), individu yang mempunyai pemikiran kekreatifan dianggap sebagai individu yang spontan dan sanggup mengambil risiko serta melakukan kesilapan. Mereka juga dianggap sebagai orang yang dapat menerima idea-idea dan pengalaman yang baru. Justeru, Mohd Yusof Hasan (2007) mengatakan bahawa pemikiran ini lebih mementingkan aspek kreativiti, imaginasi, rekaan dan khayalan, seni dan estetika. Ini bermakna pemikiran ini melihat aspek teknik, bentuk visual dan stail (gaya bahasa) dalam karya sastera. Keempat-empat jenis pemikiran dalam teori SPB4K janaan Yusof Hassan ini dapat digambarkan seperti berikut:

Rajah 1: Adaptasi Teori SPB4K (Mohd Yusof Hassan, 2007)



Teori ini SPB4L oleh Mohd Yusof Hassan,(2004) kemudian Mohd Yusof Hassan telah mengubahsuai teori tersebut kepada SPB4K,(2007)

Berdasarkan Rajah 1 di atas, pengkaji yang memiliki sifat pemikiran yang berteraskan Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan mampu melahirkan sastera remaja bermutu dan berkualiti tinggi. Pemikiran yang dominan dalam kajian ini ialah pemikiran kerohanian yang mendukung pemikiran yang komprehensif, bersifat sepadu dengan keperluan kehidupan. Mohd Yusof Hassan (2012), percaya bahawa dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Allah S.W.T. Yakni, pemikiran kerohanian dapat melahirkan sifat-sifat seperti ketakwaan, keimanan dan kekudusan kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, sistem pemikiran dalam teori ini amat mementingkan penerapan nilai-nilai keagamaan untuk melahirkan masyarakat moden yang bukan sahaja canggih dan kreatif, tetapi juga taat dan akur kepada hukum ketuhanan.

Kerelevan penggunaan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) didasarkan kepada kajian keseimbangan interinsik dan ekstrinsik pemikiran golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020, di antara pemikiran hoka (sains) dan hoki (sastera) yang dikaitkan dengan unsur pemikiran kerohanian dalam diri golongan remaja khususnya remaja Melayu. Hal ini bertepatan dengan aspek kajian iaitu menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K. Oleh yang demikian, teori ini dipercayai dapat mengubah kerisauan terhadap kualiti penghasilan novel remaja yang bermutu dalam laoporan panel penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) 2015 (*Dewan Sastera*, 2015), persepsi negatif yang mengatakan bahawa novel KOMSAS tidak membawa manfaat kepada pelajar (Aminudin Mansor, 2015), novel yang membosankan, novel yang tidak mengetengahkan aspek psikologi remaja dan konsep sastera remaja, tidak sesuai sebagai bacaan usia remaja (Farra Humairah Mohd, 2018), unsur sains dan sastera tidak mungkin bersatu dalam sebuah karya kreatif (Rosnani Md Zain, 2019), dan pelbagai pemikiran negatif songsang pemikir sepertimana yang dinyatakan dalam masalah kajian ini.

Kesepaduan prinsip-prinsip dalam teori SPB4K ini juga iaitu pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan amat relevan dalam menghujahkan aspek yang ingin dikaji. Tetapi aspek pemikiran kerohanian yang paling dominan daripada keempat-empat unsur dalam teori SPB4K. Diharapkan penyerapan pemikiran kerohanian dalam jiwa golongan remaja khususnya remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 dapat mengurangkan permasalahan sosial remaja kini dan mencapai aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Pada peringkat awal, novel remaja sering dikaitkan dengan tema percintaan, kekeluargaan, sejarah, *adventure* dan sebagainya. Perkembangan semasa telah mengubah hala tuju pengarang kini yang mula berani menyisipkan pengalaman, pengetahuan dan penyelidikan dalam pelbagai ilmu termasuk bidang psikologi kerohanian, menjadikan adunan karya lebih sarat sifatnya serta menggugah keupayaan pengarang itu sendiri. Antara pengarang abad ke-21, pengarang alaf baharu yang prolifik dan sering dikaitkan dengan novel remaja khususnya novel KOMSAS ialah Abdul Latip bin Talib, Mohd Ismail Sarbini, Abdullah Hussain, Ismail Johari, Beb Sabariah, Osman Ayob, Nisah Haron, Ahmad Patria Abdullah, Faisal Tehrani, Ruzaini Yahya dan sebagainya.

Dapatkan Dan Perbincangan

Hasil analisis mendapati bahawa kesemua novel KOMSAS 2020 memaparkan pemikiran kerohanian yang signifikan, antaranya:

1. Novel *Destinasi Impian* dan *Meniti Impian* menonjolkan pergantungan kepada Tuhan melalui doa, solat dan sabar menghadapi ujian.
2. Novel *Letenan Adnan Wira Bangsa* menampilkan nilai keberanian dan keikhlasan sebagai manifestasi pengorbanan demi agama dan bangsa.
3. Novel *Tawanan Komander Caucasus* menonjolkan perjuangan mempertahankan maruah dan akidah Islam dalam situasi peperangan.
4. Novel *Tirani* menggambarkan proses keinsafan dan penyucian jiwa sebagai hasil daripada konflik dalaman watak.

Secara keseluruhan, pemikiran kerohanian yang diungkapkan pengarang tidak hanya memberi kesan estetika, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan emosi, sahsiah dan jati diri pembaca remaja Melayu. Hal ini selaras dengan tuntutan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang menekankan keseimbangan intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Kajian yang dilakukan ini berdasarkan kepada lima buah novel remaja iaitu novel KOMSAS 2020, bagi tingkatan Satu hingga Tingkatan Lima, Zon 2: Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK,2000)

Novel-novel ini terkandungnya pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu seperti berikut

Jadual 1: Judul lima buah novel KOMSAS 2020 (Zon 2: PPK)

Tingkatan	Tajuk Novel	Tahun Terbit	Tahun Diguna	Pengarang	Terbitan	Ju
1	<i>Destinasi Impian</i>	2014	2016-2022	Ismail Sarbini	DBP	90
2	<i>Meniti Impian</i>	2014	2016-2022	Osman Ayob	DBP	
202						
3	<i>Tawanan Komander</i>	2010	2016-2022	Ruzaini Yahya	Utusan	
174						
	Caucasus				Publication	
4	<i>Lettenan Adnan</i>	2014	2016-2022	Abdul Latip Talib	Mica Cemerlang	
373						
	<i>Wira Bangsa</i>				Sdn.Bhd	
5	<i>Tirani</i>	2015	2018-2022	Beb Sabariah	DBP	350

Novel Destinasi Impian (2014) karya Mohd Ismail Sarbini (novel Tingkatan 1).

Novel ini mengisahkan Firdaus seorang remaja Melayu yang berpewatakan “lelaki lembut” telah berjaya menyahut cabaran bagi mencari identiti diri dan membuktikan dia lelaki sejati sebagai melengkapinya unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam teori SPB4K. Firdaus didorong oleh adik perempuannya Azlina yang sering mencabarnya, abang sepupunya Johari yang sering bersama membantu, datuknya yang mencabar Firdaus mengayuh basikal sehingga ke pantai Morib dan rakan-rakan sekelasnya turut bersama berusaha mendorong Firdaus menjadi lelaki sejati. Di dalam cerita digambarkan konflik jiwa Firdaus yang berlaku, bibit suka kepada Mazlinda, disamping adanya nilai-nilai kemanusiaan dan kesesuaian naluri remaja lelaki lembut yang suka bergantung harap kepada orang lain. Akhirnya, Firdaus dapat membuktikan kejayaannya dengan keberanian dan semangat juang yang kental.

Novel Meniti Impian (2014) karya Osman Ayob (novel Tingkatan 2)

Novel *Meniti Impian* ini mengisahkan kegigihan watak remaja Melayu bernama Zahar, pelatih IKM dalam bidang vokasional dan kerjayanya sebagai pembuat perabot yang berjaya memaparkan pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam teori SPB4K. Remaja Melayu ini ingin berdikari dan amat yakin dengan pegangan hidupnya dalam usaha mengejar cita-citanya untuk menjadi seorang usahawan perabot yang berjaya. Dalam cerita dipertembungkan dengan konflik cinta, cemburu dan semangat juang kerana adanya Suhaili dan Norimi dalam hidup Zahar. Hasil kepengarangan dapat mengemukakan sebuah cerita yang padat dan sesuai dengan kebolehan remaja yang berlatarkan vokasional yang jarang diketengahkan oleh pengarang-pengarang novel remaja. Akhirnya remaja golongan Melayu ini telah berjaya membuka sebuah kilang perabot di kampungnya.

Novel Tawanan Komander Caucasus (2010) karya Ruzaini Yahya (novel Tingkatan 3).

Novel *Tawanan Komander Caucasus* mengisahkan sekumpulan remaja diketuai watak remaja Melayu iaitu Farhani. Remaja Melayu ini ditawan oleh tentera kumbang Komander Caucasus akhirnya dapat membebaskan diri yang menggambarkan pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam teori SPB4K. Farhani dan Kim Yang telah dikurung di dalam sebuah tabung uji bersaiz besar di sebuah makmal rahsia Komander Caucasus yang akan menjadikannya sebagai bahan uji kaji untuk mencapai impian Komander Caucasus menakluki dunia dan menguasai manusia. Novel yang mengisahkan imaginasi manusia menjadi entiti marginal. Hanya berupa subjek eksperimen di dalam tabung uji. Di sebalik gerbang dimensi dalam dunia selari Farhani, Kim Yong, Devnath, Haikal dan Wei menyertai perjuangan mengembalikan keadilan tetapi menjadi halimunan akibat serum warga kumbang.

Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa (2014) karya Abdul Latip bin Talib (novel Tingkatan 4)

Novel yang merupakan novel Sejarah prolifik karya Abdul Latip Talib yang mengisahkan liku-liku perjuangan watak remaja Melayu iaitu Leftenan Adnan sejak kecil, menginjak usia remaja dan sebagai askar Melayu dalam pertempuran dengan askar Jepun. Remaja Melayu dalam pasukan Askar Melayu telah menunjukkan keberanian dan semangat keperwiraan hebat yang menggambarkan pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam teori SPB4K. Seramai 152 anggota askar Melayu, termasuk 7 pegawai Melayu dan 6 orang pegawai British yang dipinjamkan ke Rejimen Askar Melayu yang terkorban itu adalah digambarkan watak remaja Melayu Adnan bin Saidi. Adanan telah berjuang bersama 42 anggota sehingga ke titisan darah yang terakhir. Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa memaparkan kisah serangan terakhir askar Jepun di Singapura serta keberanian dan keperwiraan askar Melayu didukung oleh watak bermula daripada remaja Melayu yang sanggup berjuang sehingga ke hujung nyawa.

Novel Tirani (2015) karya Beb Sabariah (novel Tingkatan 5)

Novel *Tirani* karya Beb Sabariah ini menggantikan novel *Konserto Terakhir* karya Abdullah Hussain, novel menyambung penerbitannya yang agak lama melebihi lima tahun sebagai novel KOMSAS tingkatan 5 kerana sebelum ini menggantikan novel *Interlok* karya Abdullah Husain yang berlaku kontroversi dan ditarik penerbitannya sebagai novel KOMSAS tingkatan 5, Zon 2 atas sebab tertentu bagi menjaga keharmonian pelbagai pihak. Novel *Interlok* ini telah menjadi perbincangan hebat golongan politik negara dan terpaksa ditukar kepada novel yang sama pengarangnya iaitu Abdullah Hussain. Novel *Tirani* mengisahkan kegigihan remaja perempuan Melayu iaitu Waheeda, digambarkan memiliki pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu iaitu watak Waheeda telah berusaha mengetengahkan identiti budaya dan etnik Sarawak, keunikian etnik Sarawak dalam industri pelancongan di Sarawak. Pelbagai konflik telah berlaku juga membawa kepada watak pembantu remaja Melayu iaitu Izzati (anak Waheeda dan Zahid) yang dibawa oleh pengarang menaakul dunia psikologi remaja Melayu dan wanita Melayu yang inginkan kecantikan dan kesempurnaan secara menyeluruh sehinggakan menongkah arus pegangan keagamaan antara modenisasi dan futuristik untuk mencipta kejayaan. Namun watak remaja Melayu Waheeda ini masih tetap mengekalkan budaya bangsanya dan pengarang mengaspirasikan suatu nilai yang cukup murni dan berjiwa kental digambarkan mempunyai pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu, yang akhirnya berjaya mencapai impian.

Analisis perbincangan ini akan dipecahkan kepada dua bahagian bagi menepati kehendak objektif pertama dan kedua kajian. Bahagian pertama, mengenal pasti pemikiran golongan remaja Melayu yang dominan dalam lima buah novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K. Bahagian kedua, menganalisis pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K janaan Yusof Hassan (2007). Novel-novel yang disenaraikan adalah 1) novel *Destinasi Impian* (2014) karya Ismail Sarbini, 2) novel *Meniti Impian* (2018) karya Osman Ayob, 3) novel *Tawan Komander Caucausus* (2010) karya Ruzaini Yahya, 4) novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) karya Abdul Latip bin Talib dan 5) novel *Tirani* (2018) karya Beb Sabariah.

Pemikiran Golongan Remaja Melayu yang Dominan dalam Novel KOMSAS 2020 Berdasarkan Teori SPB4K

Berdasarkan dapatan kajian pengkaji telah mengenap pasti pemikiran golongan remaja Melayu yang dominan dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K(SPB4K) janaan Yusof Hassan 2007 telah digunakan yang mengetengahkan empat pemikiran yang bersepadu saling melengkap dalam pemikiran pengarang iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kbeitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan. Maklumat dapat diperoleh daripada data analisis pemikiran golongan remaja Melayu yang dominan seperti berikut:

Jadual 2: Pemikiran Golongan Remaja Melayu yang Dominan dalam Novel KOMSAS 2020 Berdasarkan Teori SPB4K:

BIL	ITEM PEMIKIRAN SPB4K	NOVEL TING 1 N Teori Bab(12)	NOVEL TING 2 (90ms)/ Bab(12)	NOVEL TING 3 (202ms) /	NOVEL TING 4 (174ms)/ Bab(18)	NOVEL TING 5 (373ms)/ Bab(35)	NOVEL TING 5 (350ms)/ Bab(24)	JUMLAH SPB4K
1	Pemikiran Kerohanian	12	23	16	30	21		102
2	Pemikiran Kbeitaraan	7	15	8	16	13		59
3	Pemikiran Kesaintifikan	7	10	13	12	13		55
4	Pemikiran Kekreatifan	9	11	10	15	11		56

Berdasarkan jadual 2 pemikiran golongan remaja Melayu yang dominan dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K tersebut, jelas membuktikan Pemikiran yang dominan ialah Pemikiran Kerohanian. Pemikiran kerohanian yang menyatakan secara langsung mahupun tidak langsung oleh pengarang novel yang bersangkutan aspek keagamaan, keimanan, ketakwaan, ketaatan, kasih sayang, dan falsafah serta pegangan hidup yang digambarkan menerusi watak-watak remaja Melayu dalam novel. Semua novel KOMSAS 2020 berkenaan mengetengahkan watak remaja Melayu sebagai watak utama dalam cerita. Pengalaman watak utama dan watak-watak pembantu dalam novel telah menggerakkan jalinan penceritaan dalam novel.

Novel Tingkatan 1 (Novel Destinasi Impian)

Dapatkan kajian menunjukkan dalam setiap bab novel ini yang mengandungi 12 bab daripada 90 muka surat, terdapatnya pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu sebagai pemikiran yang dominan. Malahan dalam setiap bab diketengahkan unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu oleh pengarang. Berdasarkan analisis kajian dalam novel *Destinasi Impian*, unsur pemikiran kerohanian diterapkan dalam 12 bab novel ini, penerapan pemikiran kebitaraan terdapat dalam 7 bab, seterusnya penerapan unsur pemikiran kesaintifikan terdapat dalam 7 bab dan akhir sekali unsur pemikiran kekreatifan terdapat dalam 9 bab. Keseluruhan pemikiran SPB4K yang dominan diterapkan dalam novel *Destinasi Impian* Tingkatan 1 adalah pemikiran kerohanian sebanyak 12 bab. Pengarang menggunakan kata ganti nama diri orang pertama “aku” dengan meletakkan nama watak sebagai pemisah setiap bab dalam novel. Semua nama yang digunakan adalah watak remaja Melayu sama ada watak utamanya iaitu Firdaus dan watak pembantu iaitu watak Azlina (adik Firdaus) dan watak Johari (abang sepupu Firdaus). Watak-watak sampingan yang ramai termasuk pelbagai kaum bukan Melayu hanya disebut dalam penceritaan novel ini bagi menarik lagi cerita.

Novel Tingkatan 2 (Novel Meniti Impian)

Dapatkan kajian menunjukkan dalam setiap bab novel ini yang mengandungi 24 bab daripada 202 muka surat, terdapatnya pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu sebagai pemikiran yang dominan. Malahan dalam kebanyakan bab novel ini diketengahkan unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu oleh pengarang. Berdasarkan analisis kajian dalam novel *Meniti Impian*, unsur pemikiran kerohanian diterapkan dalam 23 bab novel ini, penerapan pemikiran kebitaraan terdapat dalam 15 bab, seterusnya penerapan unsur pemikiran kesaintifikan terdapat dalam 10 bab dan akhir sekali unsur pemikiran kekreatifan terdapat dalam 11 bab. Keseluruhan pemikiran SPB4K yang dominan diterapkan dalam novel *Meniti Impian* Tingkatan 2 adalah pemikiran kerohanian sebanyak 123 bab. Pengarang menggunakan tema-tema perkataan seperti Cita-cita, Tawaran,Cabar dan sebagainya sebagai pemisah setiap bab dalam novel. Semua watak remaja Melayu digunakan sama ada watak utamanya iaitu Zahar dan watak pembantu iaitu watak Suhaili (kekasih Zahar di IKM) dan watak Suhaili (kekasih lama Zahar). Watak-watak sampingan iaitu watak remaja bukan Melayu yang ramai termasuk pelbagai kaum bukan Melayu hanya disebut dalam penceritaan novel ini bagi menarik lagi cerita.

Novel Tingkatan 3 (Novel Tawan Komander Caucasus)

Dapatkan kajian menunjukkan dalam setiap bab novel ini yang mengandungi 18 bab daripada 174 muka surat, terdapatnya pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu sebagai pemikiran yang dominan. Malahan dalam kebanyakan bab novel ini diketengahkan unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu oleh pengarang. Berdasarkan analisis kajian dalam novel *Tawan Komander Caucasus*, unsur pemikiran kerohanian diterapkan dalam 16 bab novel ini, penerapan pemikiran kebitaraan terdapat dalam 8 bab, seterusnya penerapan unsur pemikiran kesaintifikan terdapat dalam 13 bab dan akhir sekali unsur pemikiran kekreatifan terdapat dalam 10 bab. Keseluruhan pemikiran SPB4K yang dominan diterapkan dalam novel *Tawan Komander Caucasus* Tingkatan 3 adalah pemikiran kerohanian sebanyak 16 bab. Pengarang menggunakan tema-tema perkataan dan ayat seperti Bab 1: Hilang, Bab 7: Menghadap Maharaja Tanduk, Bab 13: Terperangkap! dan sebagainya sebagai pemisah setiap bab dalam novel. Semua watak remaja Melayu digunakan sama ada

watak utamanya iaitu Farhani dan watak pembantu iaitu watak Haikal, Mira (rakan sekelas Farhani) yang juga bersama-sama watak kumbang (mewakili watak binatang). Watak-watak sampingan iaitu watak remaja bukan Melayu yang ramai termasuk watak rakan-rakan sekelas Farhani iaitu Kim Yong, Devnath, Wei,Chea Mei, pula menunjukkan pelbagai kaum bukan Melayu yang turut menyumbang kepada jalinan penceritaan dalam novel ini. Pengarang menggunakan sentimen perpaduan kaum dalam kalangan remaja, agar dapat dilihat sebagai keharmonian rakyat di negara ini seiring dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Novel Tingkatan 4 (Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa)

Dapatkan kajian menunjukkan dalam setiap bab novel ini yang mengandungi 35 bab daripada 373 muka surat, terdapatnya pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu sebagai pemikiran yang dominan. Malahan dalam kebanyakan bab novel ini diketengahkan unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu oleh pengarang. Berdasarkan analisis kajian dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa*, unsur pemikiran kerohanian diterapkan dalam 30 bab novel ini, penerapan pemikiran kebitaraan terdapat dalam 16 bab, seterusnya penerapan unsur pemikiran kesaintifikan terdapat dalam 12 bab dan akhir sekali unsur pemikiran kekreatifan terdapat dalam 15 bab. Keseluruhan pemikiran SPB4K yang dominan diterapkan dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* Tingkatan 4 adalah pemikiran kerohanian sebanyak 30 bab. Pengarang menggunakan tema-tema perkataan dan ayat seperti Bab 1: Darah Pahlawan, Bab 4:Dusun Durian di Tanah Perkuburan, Bab 16: Perwira dan sebagainya sebagai pemisah setiap bab dalam novel. Semua watak remaja Melayu digunakan sama ada watak utamanya iaitu Adnan digambarkan seorang pahlawan sejak kecil,remaja hingga dewasa dan watak pembantu iaitu watak Ahmad, Amarullah(adik beradik Adnan) yang juga bersama-sama watak Nordin, (mewakili watak remaja di kampung Adnan) yang gemar ‘melepak’ bersikap malas dan watak Mamat pula rakan baik Adnan dan watak Nizam remaja Melayu di Sekolah Inggeris. Watak-watak sampingan iaitu watak remaja bukan Melayu yang ramai termasuk watak rakan-rakan sekelas Adnan iaitu Ah Chong, pula menunjukkan pelbagai kaum bukan Melayu yang turut menyumbang kepada jalinan penceritaan dalam novel ini. Pengarang menggunakan sentimen perpaduan kaum dalam kalangan remaja, agar dapat dilihat sebagai keharmonian rakyat di negara ini seiring dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Novel Tingkatan 5 (Novel Tirani)

Dapatkan kajian menunjukkan dalam setiap bab novel ini yang mengandungi 24 bab daripada 350 muka surat, terdapatnya pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu sebagai pemikiran yang dominan. Malahan dalam kebanyakan bab novel ini diketengahkan unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu oleh pengarang. Berdasarkan analisis kajian dalam novel *Tirani*, unsur pemikiran kerohanian diterapkan dalam 21 bab novel ini, penerapan pemikiran kebitaraan terdapat dalam 13 bab, seterusnya penerapan unsur pemikiran kesaintifikan terdapat dalam 13 bab dan akhir sekali unsur pemikiran kekreatifan terdapat dalam 11 bab. Keseluruhan pemikiran SPB4K yang dominan diterapkan dalam novel *Tirani* Tingkatan 5 adalah pemikiran kerohanian sebanyak 21 bab. Pengarang menggunakan tema-tema perkataan dan ayat menarik yang merangsang minat untuk membaca novel tersebut seperti Bab 1: Melontar Puing Duka, Bab 3:Kartasis, Bab 13: Mati Hidup Semula dan sebagainya juga digunakan sebagai pemisah setiap bab dalam novel. Semua watak remaja Melayu digunakan sama ada watak utamanya iaitu Waheeda dan watak

pembantu iaitu watak Bazila (watak rakan karib Waheeda), Fatimah (adik Waheeda), watak remaja Melayu iaitu Izzati (anak Waheeda) dan cerita ini dibawa sehingga ke alam dewasa dan watak pembantu juga di kalangan orang dewasa seperti watak Zahid (suami Waheeda), Dr.Zahari, Dr.Alma Chen pula menunjukkan pelbagai kaum bukan Melayu yang turut menyumbang kepada jalinan penceritaan dalam novel ini. Pengarang menggunakan sentimen perpaduan kaum dalam kalangan remaja dan orang dewasa, agar dapat dilihat sebagai keharmonian rakyat di negara ini seiring dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Tuntasnya, pengkaji telah menggunakan dapatan ini untuk meneruskan pengkajian yang lebih mendalam berkenaan pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 yang terkandung pemikiran yang dominan keseluruhan sebanyak 102 bab berbanding pemikiran kbeitaraan 59 bab, keseluruhan pemikiran kesaintifikan 55 bab dan akhir sekali keseluruhan pemikiran kekreatifan sebanyak 56 bab. Justeru, didapati kajian pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu signifikan untuk dikaji kerana kelompongan kajian terhadap aspek pemikiran kerohanian difokus oleh pengkajian sebelum. Maka, pemilihan buku teks KOMSAS akan datang dapat dipilih dengan mengambil kira mesej pemikiran pengarang yang banyak menerapkan pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang signifikan untuk golongan remaja pelbagai bangsa. Diharapkan pengkajian lanjutan oleh pengkaji akan datang juga perlu dijalankan menggunakan maklumat daripada pengkajian ini bagi membolehkan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ke arah merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) tercapai.

Pemikiran Kerohanian Golongan Remaja Melayu dalam Novel KOMSAS 2020 Berdasarkan Teori SPB4K

Bagi Mohd Yusof Hassan (2012), dengan memiliki pemikiran kerohanian dan penerapan ilmu-ilmu yang bersangkutan dengannya, maka manusia akan menjadi makhluk yang sempurna dengan lengkap sebagai hamba Allah S.W.T. Yakni, pemikiran kerohanian dapat melahirkan sifat-sifat seperti ketakwaan, keimanan dan kekudusan kepada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, sistem pemikiran dalam teori ini amat mementingkan penerapan nilai-nilai keagamaan yang tinggi untuk melahirkan masyarakat moden khususnya golongan remaja Melayu yang bukan sahaja canggih dan kreatif, tetapi juga taat dan akur kepada hukum-hakam ketuhanan.

Menurut Shahabuddin Hashim dan Noor Miza Abdul Rahman (2014) kerohanian berasal dari perkataan “roh”. Ia adalah urusan Tuhan dan kita diberi sedikit sahaja pengetahuan tentang Nya. Dibahagikan kepada empat bahagian iaitu akal, rohani, nafsu dan kalbu. Selain itu, kerohanian adalah satu bentuk pembinaan yang menjadikan perkembangan rohani sebagai tujuan bagi kehidupan insan dan sebab kejadiannya. Malah, ianya tidak kelihatan pada pandangan kasar tetapi dilihat dari manifestasinya sahaja. Kerohanian merangkumi aspek-aspek seperti; (i) keyakinan kepada tuhan, (ii) kepercayaan kepada agama,(iii) kemantapan jiwa, (iv) penghayatan nilai-nilai murni dan norma masyarakat dan (v) berbudi pekerti mulia. Bagi Harun Din (2003) pula mendefinisikan kerohanian sebagai kebatinan atau berkaitan dengan kejiwaan. Menurutnya lagi, kerohanian berasal dari perkataan roh iaitu unsur-unsur rohani yang berpunca dari urusan ketuhanan, alam ketinggian dan kekudusan disisi Allah S.W.T.

Kesepadan pemikiran dalam terori SPB4K dalam kajian ini pengkaji hanya akan memfokuskan kepada pemikiran yang dominan dalam novel KOMSAS 2020 iaitu pemikiran kerohanian. Pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dikaitkan dengan peristiwa-peristiwa yang berlatar belakangkan ciri-ciri kehidupan Islam bagi golongan remaja Melayu dan unsur-unsur pemikiran kerohanian dalam karya novel KOMSAS 2020 yang dikaji berdasarkan penyerapan aspek pemikiran kerohanian yang berikut:

Pemikiran Kerohanian; Pemikiran Keagamaan:

- i. Hubungan Manusia dengan Tuhan,
- ii. Hubungan Manusia dengan Manusia
- iii. Hubungan Manusia dengan Alam

Ketiga-tiga fokus pemikiran kerohanian keagamaan ini akan diserapkan dalam pemikiran yang lain

iaitu:

- 4.2.2.1 Pemikiran Kerohanian; Sistem Kekeluargaan Akrab
- 4.2.2.2 Pemikiran Kerohanian; Budaya Kemasyarakatan Harmoni
- 4.2.2.3 Pemikiran Kerohanian; Pendidikan -Cintakan Ilmu

Hasil dapatan kajian boleh dirumuskan sebagai rajah Kerangka Teori Pemikiran Kerohanian Golongan Remaja Melayu dalam Novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K. Selain itu, kajian pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu ini seharusnya diteliti melalui enam konsep sastera remaja novel KOMSAS seperti yang dicadangkan oleh Ariff Mohammad (2009). Enam ciri tersebut ialah teks yang mudah difahami dan menarik, berupaya meningkatkan kemahiran bahasa pelajar, mengandungi nilai murni, mempunyai ciri baik dan berkualiti, sesuai dan dapat dihayati serta teks yang mudah difahami. Sebelum ini, kajian oleh Abdul Ahmad (1998), menyatakan bahawa konsep novel remaja perlu memenuhi lima ciri yang utama, iaitu usia remaja, penerapan nilai-nilai murni, penerapan unsur ilmu bantu dan aspirasi dalam karya remaja. Sememangnya, novel remaja KOMSAS 2020 yang diketengahkan ini mengandungi pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu daripada watak-watak yang ditonjolkan dan juga ada diserapkan pelbagai nilai dan pengajaran. Hal ini amat bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta tahap perkembangan psikologi remaja yang berumur sekitar 13 hingga 17 tahun. Rata-rata golongan remaja ini sudah mendapat pendidikan secara formal di sekolah rendah dan mampu membaca serta memahami isi kandungan cerita yang disampaikan.

Pemikiran Kerohanian; Pemikiran Keagamaan

Dalam kajian Pemikiran Kerohanian Golongan Remaja Melayu dalam Novel KOMSAS 2020 Berdasarkan teori SPB4K ini, pengkaji mendapat pemikiran kerohanian melalui aspek keagamaan dilihat menerusi dua unsur utama iaitu (i) hubungan manusia dengan Tuhan dan (ii) hubungan manusia dengan manusia yang lain (iii) hubungan manusia dengan alam (Farra Humairah,2017). Kebiasaannya, tiga-tiga unsur utama ini dapat dihayati menerusi pemikiran pengarang yang mengklasifikasikan dalam aspek kajian komponen sastera iaitu unsur tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan sebagainya lagi. Mohd Yusof Hassan (2007) pula menyatakan bahawa aspek keagamaan ini merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Maksudnya, iaanya merupakan pemikiran yang berunsurkan keimanan dan

ketakwaan yang membawa dan menjadikan manusia ke arah manusia soleh atau solehah. Di sini, aspek keagamaan yang memaparkan hubungan manusia dengan Tuhan, dilihat melalui tanggungjawab, kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan yang Maha Esa yang didukung oleh watak remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020. Maksudnya, manusia atau golongan remaja Melayu haruslah menginsafi bahawa kejadian mereka di bumi adalah sebagai hamba Allah S.W.T., di mana ketaatan dan kepatuhan di atas segala perintah-Nya adalah menjadi keutamaan dalam kehidupan seseorang manusia khususnya golongan remaja Melayu yang majoriti beragama Islam.

Pemikiran Kerohanian; Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Tuhan)

Berdasarkan kajian pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam Novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K, didapati penerapan unsur keimanan kepada Tuhan dalam jiwa watak remaja Melayu dalam novel *Destinasi Impian* (2014), Tingkatan 1 dan dalam novel *Meniti Impian* (2018) Tingkatan 2, mendorong kejayaan kepada watak remaja Melayu yang mendukung sebagai watak utama cerita. Menerusi pemikiran kerohanian dalam novel KOMSAS 2020 yang dikaji, hubungan manusia dengan Tuhan dapat dilihat menerusi pemaparan watak-watak remaja Melayu yang mengamalkan nilai tanggungjawab manusia kepada Allah S.W.T. (hablumminaAllah) seperti bersolat dan pengamalan kehidupan bertauhidkan Allah.

Contohnya, dalam novel *Destinasi Impian* (2014), karya Ismail Sarbini novel kajian Tingkatan 1, ada menerapkan hubungan manusia kepada Allah S.W.T. dapat dibuktikan dengan kesungguhan Firdaus yang dianggap sebagai ‘lelaki lembut’ berusaha untuk memperbaiki diri menjadi ‘lelaki sejati’. Firdaus telah menerima asal kejadian Allah terhadap dirinya yang berperawakan ‘lembut’, cuba dibantu oleh ahli keluarganya, adiknya Azlina, abang sepupunya Johari, datuknya dan rakan-rakan sekelasnya. Firdaus telah menyahut cabaran datuknya untuk berbasikal ke pantai Morib. Ini dapat dikesan dalam contoh petikan teks di bawah:

“Firdaus, sebelum kita bertolak pagi tadi abang sudah jelaskan tujuan kita berbasikal.Pertama untuk menyahut cabaran datuk.Kedua untuk melihat tanah air kita yang merdeka ini secara dekat..dan ketiga untuk menjadikan abang orang lelaki sejati..” Azlina mengkah kata-kata Johari.

(*Destinasi Impian*(2014:Hlm.3)

“Tak sampai satu kilometre dari sini ada masjid.Kita boleh berhenti di situ untuk berehat, makan dan juga bersolat zuhur. Selepas itu, kita teruskan perjalanan,” ujar abang Johari.

(*Destinasi Impian*(2014:Hlm.13)

Contohnya, dalam novel *Meniti Impian* (2018), karya Osman Ayob novel kajian Tingkatan 2, ada menerapkan hubungan manusia kepada Allah S.W.T. seperti membuat sesuatu kebaikan dimasjid tempat umat Islam beribadat. Sebagai contoh, Pak Yusuf menyatakan hasrat Tok Iman di masjid memintanya membuatkan rak kasut di masjid. Zahar telah bersetuju untuk membantu Pak Yusuf menyiapkan rak kasut sebelum solat hari Jumaat pada minggu tersebut. Watak Zahar yang mewakili remaja Melayu ini digambarkan mempunyai pemikiran kerohanian keagamaan yang kuat, walaupun bekerja sebagai pembantu Pak Yusuf

di pondok pembuatan perabot yang kecil di belakang rumah Pak Yusuf. Ini dapat dikesan dalam contoh petikan teks di bawah:

“Bila Tok Imam mahu rak kasut tu Pak cik? Zahar yang baru mengangkat piring bijun, bertanya. Dia memandang muka bapa saudaranya. “Tok Imam tak tentukan masa dia mahu rak kasut tu, tapi kalau boleh siapkan sebelum Jumaat depan, elok benarlah orang solat Jumaat.”

Meniti Impian(2018:Hlm.6)

“Sekarang heboh Jepun menyerang Tanah Melayu. Kita tak ada jalan lain untuk menghalang Jepun, selain meminta pertolongan daripada Allah. Mudah-mudahan mereka tak datang ke kampung kita ini. Kita berdoa kepada Allah”.

kata Pak Saidi kepada isterinya Mak Milah

Leftenan Adnan Wira Bangsa(2014:Hlm.215)

“Tidak lama kemudian kedengaran laungan azan Subuh berkumandang dari surau. Laungan azan itu begitu sayu menyentuh jiwa. Leftenan Adnan bertelesku sujud ke hadrat Ilahi yang hanya beralaskan kain pelekat yang diberikan oleh anak buah Tok Penghulu Deraman. Dia tenggelam dalam doanya dengan penuh khusyuk. Dalam keadaan perang, kewajipan tetap ditunaikan. Mereka bergilir menuaikan kewajipan kepada yang Maha Kuasa.

Leftenan Adnan Wira Bangsa(2014:Hlm.301)

Menerusi contoh petikan di atas jelas memaparkan hubungan manusia kepada Allah S.W.T. yang memperlihatkan ketaatan dan kepatuhan watak remaja Melayu yang yang menggambarkan pemikiran kerohanian unsur pegangan keagamaan yang kuat golongan remaja Melayu daripada novel mewakili novel KOMSAS 20020. Menunaikan solat dan berbuat kebajikan di masjid secara ikhlas tanpa dipaksa oleh sesiapa pun bagi memenuhi tuntutan ibadatnya kepada Allah S.W.T. Melalui pemaparan ini, golongan remaja khususnya remaja Melayu secara tidak langsung dapat memahami dan menerima tujuan sebenar manusia diciptakan oleh Allah S.W.T. adalah semata-mata beribadat kepada-Nya, yakni sentiasa mematuhi ajaran-Nya dan menjauhi larangan- Nya. Hal ini dibuktikan oleh Abdul Rahman Mohd Aroff (1999) yang menegaskan bahawa ibadat yang dilakukan dengan ikhlas dan sempurna dapat membentuk keperibadian mulia, perwatakan baik golongan remaja Melayu iaitu dapat mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran dan kejahanan, malah turut mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T.

Pemikiran Kerohanian; Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Manusia)

Seterusnya, aspek keagamaan dalam pemikiran kerohanian ialah melibatkan hubungan manusia sesama manusia (hablumminannas) ini dapat diperincikan lagi melalui (i) sifat kepatuhan dan amalan menghormati orang tua seperti ibu bapa dan guru, dan (ii) amalan bersedekah (membantu orang yang dalam kesusahan). Dalam novel KOMSAS 2020 yang dikaji, pengkaji mendapati terdapatnya beberapa watak dan tema yang menggambarkan sebagai seorang yang taat, patuh dan sangat menghormati orang tua khasnya ibu bapa. Keperibadian sebegini dikatakan sangat menepati prinsip Islam yang meletakkan ibu bapa pada satu kedudukan yang tinggi. Ini bertepatan dengan suruh al-Isra’, ayat 23 yang bermaksud:

“Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepada- Nya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharannya, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan “Ha”, dan janganlah pula engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

suruh al-Isra’, (Al-Quran: ayat 23)

Sebagai contoh, pemikiran kerohanian kegamaan yang menunjukkan hubungan manusia dengan manusia iaitu sifat kepatuhan kepada ibu bapa dapat disaksikan dalam novel KOMSAS 2020 yang dikaji. Salah satu contohnya ialah melalui watak Adnan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) karya Abdul Latip Talib, novel kajian bagi Tingkatan 4. Kepatuhan Adnan digambarkan sebagai remaja Melayu, seorang anak yang baik akhlak budibahasa dan sanggup korbankan perasaannya kerana patuh,hormat dan sayang kepada ayahnya Pak Saidai dan ibunya Mak Limah. Adnan akur dengan pilihan ibubapanya yang memilih calon isterinya walaupun dia ditunangkan dengan wanita yang tidak pernah dikenalinya sebelum ini. Hal ini dibuktikan dalam petikan seumpama berikut:

Sepulang Adnan di kampung, dia terkejut mendapat tahu dia telah ditunangkan dengan anak Pakih Muda. Lebih mengejutkan lagi perkahwinan mereka berdua bakal dilangsungkan seminggu lagi. “Kenapa perkara ini ayah dan mak tak bincang dulu dengan Nan?” Tanya Adnan lembut.

Leftenan Adnan Wira Bangsa(2014,Hlm:146)

Melalui contoh petikan di atas dengan jelas memaparkan watak Adnan yang diperlihatkan sebagai seorang remaja Melayu yang sangat patuh kepada kedua-dua ibu bapanya. Beliau tidak pernah sekalipun membantah apa yang diputuskan oleh ibu bapanya. Bagi Adnan, keputusan yang dibuat oleh kedua orang tuanya itu adalah lebih baik dan membuktikan keimanan yang tinggi.

Konklusinya, seorang anak itu hendaklah sentiasa menjaga adab dan tanggungjawabnya terhadap kedua-dua ibu bapa mereka. Antara adab yang perlu seseorang anak itu laksanakan ialah jangan sekali- kali menderhaka kepada mereka, kerana derhaka kepada kedua ibu bapa adalah suatu dosa besar. Anak yang tidak mendapat keredaan ibu bapanya akan tidak mendapat keredaan Allah dan ibadatnya tidak diterima Allah S.W.T. Keperibadian sebegini pasti sangat berkait dengan kekuatan iman dan keyakinan bahawa menghormati dan menyayangi ibu bapa adalah salah satu jalan untuk ke syurga, seperti kata yang selalu diulang sebut apabila kita memperkatakan martabat ibu iaitu “syurga di telapak kaki ibu”(Ani Omar, 2019). Oleh itu, pengkaji mendapati pengarang novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) karya Abdul Latip Talib ini berjaya mengetengahkan watak Adnan yang sangat patuh dan menghormati kedua-dua orang tuanya. Inilah gambaran pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang diharapkan oleh semua ibu bapa dan masyarakat yang diketengahkan oleh pengarang dalam novel KOMSAS 2020. Dengan harapan, golongan remaja pembaca akan menghayati dengan bersungguh-sungguh mesej yang ingin disampaikan dan sekali gus merealisasikan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Pemikiran Kerohanian; Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Alam)

Seterusnya, pemikiran kerohanian aspek keagamaan yang melibatkan hubungan manusia manusia dengan alam. Alam adalah ciptaan Allah S.W.T. yang perlu dijaga oleh manusia agar terus kekal sejahtera. Menurut Ani Omar (2019), di negara barat, terdapat konsep IQ iaitu kemahiran intelek, EQ iaitu kemahiran emosi dan SQ iaitu kemahiran rohaniah. Berdasarkan kemahiran yang ada ini jika dikaitkan dengan pemikiran agama Islam sepatutnya manusia khususnya golongan remaja harus memiliki pemikiran kerohanian yang menghubungkan manusia dengan unsur alam. Berdasarkan kajian Md Salleh Yaspar (1985), pandangan semesta membezakan kedudukan manusia dan alam semester serta menjelaskan hubungkait antara kedua-duanya.

Aspek yang berkaitan pandangan alam semesta ialah bagaimana manusia melihat kepada alam persekitaran termasuk dirinya sendiri seta corak perhubungan antara dirinya dengan alam, manusia serta makhluk lain. Dari perspektif agama pula, alam merupakan ciptaan Tuhan yang mengandungi nilai spiritual bagi manusia yang ingi mendekatkan diri kepada Tuhan. Justeru, gesaan bagi manusia mangamati kejadian alam adalah bertujuan bagi manusia mengenali bukan hanya ciptaan Tuhan tetapi juga Penciptanya. Berdasarkan pemahaman agama, setiap sumber alam yang digunakan perlulah mengambilkira setiap aspek kepenggunaannya bagi mengelakkan pembaziran dan kemasuhan kepada alam. Ini adalah selaras dengan firman Allah di dalam Al-Quran yang bermaksud:

Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia; kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka, supaya mereka kembali (insaf da bertaubat).

(Surah al-Rum:ayat 41)

Falsafah penggunaan alam, jelas Zainal Kling (1995) ialah Allah mencipta alam untuk manfaat manusia. Justeru, paradigm Melayu adalah mesra alam dan mementingkan keseimbangan. Samsina H. Abd.Rahman (2011) menyatakan ajaran Islam dan kirab suci al-Quran sentiasa menuntut manusia untuk berfikir, merenung, memerhati dan mengambil iktibar daripada segala kejadian alam. Renungan dan pemerhatian yang tajam dan mendalam akan membaca insan ke arah kesimpulan bahawa alam semesta ini dicipta oleh Allah SWT yang Maha Esa lagi Maha Berkuasa (Ani Omar, 2014).

Nuraini Yusof et.al.(2003), menyatakan alam sekitar memainkan peranan penting dalam usaha untuk memberi kebahagian kepada manusia. Tanda alam ini bagi orang Melayu dijadikan unsure pengajaran, teladan dan iktibar. Daripada situlah hal ini dikaitkan pula dengan perlakuan manusia yang boleh memberi gambaran maksud negative atau pun positif apabila dihubungkan pula unsure alam serta kehidupan yang lain seperti flora dan fauna. Perkara ini juga ditekankan dalam pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang terkandung dalam novel KOMSAS 2020 agar remaja dapat menyesuaikan diri dengan alam dan bersama menjaga keharmonian alam semesta. Hal ini dapat diperincikan lagi melalui petikan teks novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya yang berikut:

“Hei manusia, engkau ini makhluk Allah yang paling zalim’ lembaga hitam itu memulakan perkenalan kepada Farhani. “Engkau ingin menagkap kami bererti kami

akan dikurung dan beberapa saat kemudian tubuh kami akan disiat-siat menjadi bahan uji kaji di makmal. Kalau tidak pun kami akan dikeringkan untuk dipinkan pada bingkai, kau pamerkan sebagaimana lukisan. kami mungkin akan mati sia-sia.” Farhani terkedu dengan kata-kata sang Kumbang membuatkan dirinya serba salah. Melakukan kezaliman dan penganiayaan itu bersoa tetapi untuk ilmu bagaimakah pula? Mereka perlu mengenali serangga, termasuk keluarga kumbang dan memahami kewujudan dalam sistem ekologi.

Tawanan Komander Culcasus, (2010:Hlm. 3

Berdasarkan petikan teks ini, diharapkan memberi keinsafan dalam diri remaja khususnya remaja Melayu yang diwakili oleh Farhani dalam novel Tawanan Komander Caucasus (2010) karya Ruzaini Yahya. Pengarang cuba mengetengahkan pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang diharapkan dapat menggunakan akal fikiran demi kesejahteraan alam dan manusia. Hubungan antara alam saling berkait dengan keperluan manusia di dunia ini. Digambarkan watak Farhani dan rakan-rakannya yang turut juga ditawan oleh tentera kumbang diketuai Komander Caucasus. Pelajar sekolah ini katakan sering menangkap kumbang-kumbang di hutan untuk tujuan uji kaji dalam bidang pendidikan. Inilah isu yang ingin diketengahkan oleh pengarang, agar remaja Melayu diwakili Farhani dapat menggunakan akal bagi menjawab segala persoalan Komander Caucasus dan juga bijaksana dalam tindakan. Watak Farhani, digambarkan cekap serta baik hati, jujur, amanah dan mempunyai semangat setia kawan yang tinggi seperti mana terkandung dalam unsur pemikiran kerohanian dalam kajian semasa.

Pemikiran Kerohanian; Sistem Kekeluargaan Akrab

Secara amnya, keluarga didefinisikan sebagai unit kecil dalam sesebuah masyarakat dan unit terkecil dalam sesebuah negara. Namun, impak negatif dan positif sesebuah masyarakat dan negara semuanya bermula daripada institusi kekeluargaan (Siti Nazihah Sarpin, 2009). Menurut Abdul Karim Zaidan (2001) “...keluarga umpama sel-sel yang membentuk tubuh. Jika keluarga baik, nescaya masyarakat pun akan menjadi baik, sebaliknya jika keluarga itu rosak maka masyarakat seluruhnya akan menjadi rosak”.

Institusi keluarga tetap merupakan satu komponen penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat yang pastikan juga terdiri daripada golongan remaja dan seterusnya membentuk sebuah negara. Tanpa sistem kekeluargaan, pembentukan sesebuah negara tidak akan sempurna. Islam memandang institusi kekeluargaan sebagai sebuah institusi yang akan menjadi pencorak kepada masyarakat yang bakal dibina terutamanya golongan remaja yang dianggap tiang negara. Justeru, sebanyak dua kategori nilai kekeluargaan telah pengkaji kenal pasti daripada teks-teks novel KOMSAS 2020 yang dikaji. Antara kategori-kategori tersebut ialah (i) kasih sayang dan (ii) bertanggungjawab terhadap keluarga. Perasaan kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya (Norita Arifin, 2006). Seterusnya, Tajul Arifin Nordin dan Nor“aini Dan (1992) mentakrifkan kasih sayang sebagai perasaan cinta, kasih sayang yang mendalam dan berkekalan.

Berdasarkan kajian pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam Novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K, didapati penerapan aspek Sistem Kekeluargaan Akrab iaitu unsur kasih sayang dan bertanggungjawab terhadap keluarga dalam novel *Destinasi Impian*

(2014)karya Ismail Sarbini, Tingkatan 1 dan novel *Meniti Impian* (2015) karya Osman Ayub,Tingkatan 2, mendorong kejayaan watak remaja Melayu yang mendukung sebagai watak utama cerita. Hal ini juga dapat dikaitkan dengan peristiwa dalam novel *Destinasi Impian*, watak Firdaus yang ‘lembut’ telah berjaya diberikan semangat baharu oleh keluarganya dengan cabaran berbasikal yang diberikan oleh datuk. Walaupun pelbagai rintangan yang dihadapi oleh Firdaus, adiknya Azlina dan abang sepupunya Johari tetap bersama untuk menyokong tindakan Firdaus demi keutuhan pemikiran kerohanian yang ada pada watak golongan remaja Melayu iaitu Firdaus. Hal ini dibuktikan dengan petikan dalam teks yang berikut:

“Bunyi hon yang kuat dari arah belakang sungguh mengejutkan dan aku segera membelokkan basikal ke kiri. Dalam keadaan terkejut itu, aku tidak dapat mengelak basikalku daripada melanggar seketul batu besar. Aku tercampak ke tanah merah yang pejal di tepi jalan. “Kau luka Fir?” Kedua-dua lututku terasa sakit. Setelah membalut luka disikuku, Abang Johari memeriksa basikalku.

Destinasi Impian,(2014:Hlm.13)

“Zahar pergi dulu ya mak,” kata Zahar bersalam-salamandan mencium tangan emaknya.”Belajar rajin-rajin.Mak sentiasa doakan kau berjaya”kata-kata emak membuatkan Zahar rasa sebak. Zahar tidak dapat berkata apa-apa lagi. Lidahnya keluarga. Cuma matanya sahaja merenung jauh ke dalam mata emaknya cuba memberikan keyakinan ke atas kata-kata emaknya. Pak Yusuf, bapa saudara Zahar menghantar Zahar ke IKM kerana dialah pengganti kepada ayah Zahar yang telah meninggal dunia.

Meniti Impian, (2015:Hlm.51)

Berdasarkan watak-watak dalam novel KOMSAS 2020 yang diwakili novel *Destinasi Impian* (2014) karya Ismail Sarbini, Tingkatan 1 dan novel *Meniti Impian* (2015) karya Osman Ayob, Tingkatan 2, digambarkan mempunyai pemikiran Sistem Kekeluargaan Akrab dan unsur kasih sayang dan bertanggungjawab yang wujud keluarga bahagia. Melalui keluarga bahagia, akan wujudnya masyarakat yang kuat, mulia dan saling bertanggungjawab. Oleh yang demikian, berdasarkan contoh petikan yang diutarakan seperti di atas, maka dapat disimpulkan bahawa nilai kasih sayang adalah suatu perasaan halus dan belas kasihan yang lahir dari hati meliputi rasa cinta dan kasih sayang yang mendalam, tiada sempadan waktu dan tanpa sebarang paksaan atau unsur kepentingan diri dan seterusnya membawa kepada perlakuan yang baik dan positif dalam diri seseorang. Johari dan Azlina berperanan sebagai watak golongan remaja Melayu yang ada unsur kasih sayang dan bertanggungjawab untuk memulihkan Firdaus daripada berperawakan ‘lelaki lembut’ kepada seorang lelaki sejati.

Pemikiran Kerohanian; Budaya Kemasyarakatan Harmoni

Berdasarkan kajian pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam Novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K, didapati penerapan aspek budaya kemasyarakatan harmoni. Umumnya, masyarakat harmoni merupakan sekelompok manusia yang telah cukup lama mempunyai gaya hidup dan bekerjasama, sehingga dapat mengorganisasikan diri dan berfikir tentang dirinya sebagai satu kesatuan budaya sosial dengan batas-batas tertentu (Linton, 1936). Selain itu, masyarakat menurut bahasa adalah sejumlah manusia yang terikat oleh suatu budaya yang mereka anggap sama dan dapat diterima bersama.

Sehubungan dengan itu, institusi-institusi kemasyarakatan adalah saling berkait dan mempunyai hubungan yang rapat dalam memupuk nilai kemasyarakatan. Setiap peranan dan tanggungjawab yang dimainkan akan membentuk satu kesatuan yang akan memberi kesan antara satu sama lain. Rosak salah satu institusi tersebut maka rosaklah masyarakat secara keseluruhannya. Oleh yang demikian, melalui penelitian terhadap teks novel KOMSAS 2020 yang dikaji, pengkaji mendapati nilai-nilai kemasyarakatan telah diserapkan dengan pemikiran kerohanian golongan remaja khususnya remaja Melayu yang dikenal pasti ialah (i) tolong menolong dan (ii) beramah mesra/beramah tamah.

Keadaan ini akan memberi pedoman dan ilmu melestarikan budaya kemasyarakatan harmoni kepada remaja pembaca, khususnya remaja Melayu yang menjadi watak utama cerita. Berdasarkan watak-watak dalam novel KOMSAS 2020 yang diwakili watak Adnan dalam novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) karya Abdul Latip Talib jelas membuktikan adanya unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang mementingkan pemikiran kerohanian budaya kemasyarakatan harmoni wujud diterapkan oleh pengarang. Perkara ini dapat dijelas dalam petikan teks seperti di bawah:

“Adnan terbayang pada hari itu orang ramai akan berkumpul di rumahnya dan dirinya akan menjadi perhatian. Beberapa hari sebelum majlis berkhatan dijalankan ayah dan ibunya memberi perhatian yang lebih.”

Leftenan Adnan Wira Bangsa(2014,Hlm:72)

Adnan melangkah kaki naik ke atas pentas dengan penuh yakin. Dia menjadi lebih bersemangat apabila orang ramai dalam dewan itu bertepuk tangan memberikan sokongan moral kepada.”...”Adnan bin Saidi !” pengumuman itu diiringi tepukan bergemuruh. Adnan dikerumuni oleh kawan-kawannya. Masing-masing memberikan ucapan tahniah.. Adnan dan Nizam bersalaman erat diikuti ucapan tahniah Ah Chong, mereka berpelukan diiringoi tepukan bergemuruh daripada orang ramai.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa(2014,Hlm:82)

Pemikiran Kerohanian; Pendidikan –Cintakan Ilmu.

Cintakan Ilmu: Unsur Sains, Ilmu Kecantikan, Ilmu akhlak dan Ilmu Peribahasa Melayu
Berdasarkan kajian pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam Novel KOMSAS 2020 berdasarkan teori SPB4K, didapati penerapan aspek Pendidikan iaitu unsur ilmu sains, ilmu kecantikan, ilmu akhlak, dan ilmu peribahasa Melayu membolehkan remaja Melayu insaf dan sedar kekuasaan dan keajaiban Tuhan (Allah SWT) juga menghargai keindahan bahasa peribahasa yang menyentuh jiwa pembaca agar minda mudah menerima. Ini membuktikan adanya hubungan Manusia dengan Tuhan (Habbalum minallah). Berdasarkan watak-watak dalam novel KOMSAS 2020 yang diwakili novel Tirani (Tingkatan 5) dan novel Tawanan Komander Caucasus (Tingkatan 3), jelas membuktikan adanya unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang ingin diterapkan oleh pengarang didalam novel KOMSAS 2020.

Kelahiran Ilmu sains Barat sekitar kurun ke-15 Masihi mendefinisikan sains sebagai ilmu pengetahuan tetapi tidak semua pengetahuan boleh dianggap sebagai pengetahuan sains. Menurut Shaharir Mohamad Zain (1987) pengetahuan yang maklumatnya (hasil daripada

pengamatan fenomena alam tabii) dijana dan dikembangkan secara bersistem dengan kaedah-kaedah tertentu berdasarkan premis tertentu oleh pencerapnya sehingga menumpukan pengetahuan yang boleh dipercayai, sama ada melalui eksperimen atau hujah mantik secara teori. Berdasarkan pendefinisan tersebut, sains merupakan pengetahuan yang dapat dibuktikan secara empikal, kesahihan data melalui eksperimen dan dikukuhkan lagi dengan penggunaan teori dalam mengungkapkan fenomena alam tabii ciptaan Tuhan. Dalam kajian ini, penerapan ilmu pemikiran kerohanian unsur sains yang didapati seperti sains gunaan dan sains zoology yang dikaitkan dengan keinsafan kepada kekuasaan Tuhan melalui pegangan kefahaman pemikiran golongan remaja Melayu dalam novel. Ilmu sains yang diketengahkan dalam novel *Tirani* (2018) karya Beb Sabariah novel Tingkatan 5, berkaitan dengan sains gunaan. Dalam ilmu sains, kaedah pembedahan plastik pada wajah watak remaja Melayu iaitu Waheeda yang dikatakan hodoh kerana serangan beruk menjadikan Waheeda bertekat untuk kelihatan cantik dan anggun disebabkan pekerjaannya sebagai pengurus perhotelan yang perlu kelihatan menarik. Konflik jiwa berlaku pada Waheeda kerana terpaksa membuat pilihan antara pegangan agama Islam, takutnya atas ketentuan Allah atau ingin mengejar impiannya. Waheeda telah menjalani pembedahan plastik pada wajah mukanya di Singapore Madical Centre oleh doktor pakar Dr.Alma Chen. Hal ini dapat dibuktikan daripada petikan teks novel *Tirani*:

“Team kita akan memulakan pembedahan blefaroplasti memandangkan pembedahan ini kurang kompleks berbanding hidung. Pembedahanini akan diketuai oleh Dr.Shirrim Ghazizadeh pakar bedah mata yang berpengalaman.” Dr Alma Chen memulakan penerangan.

Tirani,(2015:Hlm.77)

Begitu juga kaedah pengecaman DNA ini dikategorikan di bawah sains forensik. Menurut Ann Fullick (2010),DNA ialah bahan yang membawa ‘cetakan biru’ hidup. DNA dijumpai di dalam nukleus sel badan dan mengandungi maklumat yang diwarisi daripada ibu bapa. DNA banyak mempengaruhi dalam menentukan rupa fizikal dan sikap seseorang sebagai manusia. Misalnya dalam novel *Tirani* kaedah DNA (novel *Tirani*) digunakan untuk mengecam Izzati, anak Waheeda sebagai individu yang disemak adakah sampel anak kandung darah daging Zahid atau lelaki lain seperti tuduhan melulu Zahid (suami Waheeda) terhadap kesetiaan dan kesucian Waheeda. Unsur pemikiran kerohanian Ilmu sains ini dapat memberikan keyakinan dan akur dengan ketentuan Tuhan. Kaedah yang digunakan untuk mengecam keaslian anak ialah melalui teknik mengesan ujian DNA.

Perbandingan corak pencirian DNA yang telah dilakukan menunjukkan tujuh garis kod DNA Waheeda (ibu) sementara tujuh lagi yang Waheeda (ibu) tidak miliki sepadan dengan tujuh corak DNA Zahid (ayah Izzati)

Tirani,(2015:Hlm.3017)

DNA yang dilakukan telah berjaya membuktikan bahawa Izzati adalah anak darah daging Zahid. Hal ini telah menggembirakan hati Waheeda kerana pembuktian DNA ini menjelaskan dirinya yang tidak berlaku curang kepada suami seperti mana yang didakwa oleh suaminya Zahid.

Berdasarkan kaedah DNA yang digunakan dalam novel *Tirani* tersebut jelas membuktikan bahawa pengarang menyatakan maklumat tersebut berdasarkan fakta sains yang tepat dan dikaitkan dengan kekuasaan ciptaan Tuhan yang menginsafkan remaja Melayu diwakili watak Waheeda dan Izzati. Lazimnya kaedah DNA digunakan untuk mengesan waris seperti yang diminta oleh Waheeda untuk mengesan anaknya Izzati bagi membuktikan kepada Zahid yang menuduhnya curang. Keputusan DNA menerusi rambut tersebut membuktikan bahawa Izzati merupakan anak kandung darah daging Zahid dan Waheeda. Ini dijelaskan oleh Tengku Sifizizul dan Ahmad Sofiman (2004) bahawa DNA ialah molekul biologi yang bertanggungjawab sebagai elemen pewarisan dan juga sebagai agen pembawa informasi atau maklumat genetik. Ia juga adalah molekul perantara utama dalam semua aspek metabolism sel dan DNA memainkan peranan penting sebagai bahan genetik. Hal ini bersesuaian dengan pemikiran kesaintifikian yang dinyatakan oleh Mohd Yusof Hasan (2007) sebagai pemikiran yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan berdasarkan bukti-bukti dan fakta yang tepat. Tetapi pengkaji merasakan kaedah DNA ini juga dikaitkan dengan hubungan sains dan unsur pemikiran kerohanian, oleh Yusof Hasan (2007) yang boleh membawa keinsafan kepada Tuhan. Apabila dibuktikan dengan kaedah DNA Izzati, kebenaran Waheeda telah terbukti.

Seterusnya, dalam novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya kajian teks Tingaktan 3, pula mengetengahkan ilmu sains zoology yang dapat memberi pemikiran kerohanian keinsafan atas kebesaran kuasa Tuhan. Istilah zoologi berasal dari perkataan Greek, iaitu “haiwan” (zoo) dan “pengetahuan” (logos) (Kamarul Azmi Jasmi, 2013). Zoologi membawa maksud kajian mengenai haiwan termasuk klasifikasi, struktur, fisiologi dan sejarah (*Collins English Dictionary*, 2009). Secara ringkas dapat difahami bahawa zoologi adalah bidang sains yang mengkaji mengenai kelompok benda hidup yang dikenali sebagai haiwan makhluk ciptaan Allah SWT. Dalam konteks kajian ini, bidang sains zoologi dapat dikesan dalam novel *Tawanan Komander Caucasus* ialah berkaitan dengan spesis kumbang yang diketengahkan melalui watak remaja Melayu iaitu Farhani. Farhani bersama rakan-rakannya telah terjebak dalam dunia kumbang dan di sini pengarang menggambarkan pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang dikaitkan dengan pengetahuan ilmu sains. Kumbang merujuk kepada sejenis serangga yang berkepak dan berkulit keras. Antara spesis kumbang yang diketengahkan dalam novel tersebut seperti *Coleopatra*. Perkataan *Coleopatra* berasal dari kata *coleos* yang bererti sesungut dan *pteron* yang bererti sayap maka dapat disimpulkan *Coleoptera* adalah serangga yang memiliki sesungut pada sayapnya. Berdasarkan kajian yang dilakukan, Kamarul Azmi menambah empat puluh peratus dari seluruh spesis serangga adalah kumbang (sekitar 350,000 spesies) dan spesies baru masih belum ditemukan. Ilmu sains yang tepat berdasarkan kajian tentang kumbang, membolehkan pengarang memaparkan watak remaja Melayu, Farhani dan rakan-rakannya menjadikan olahan penceritaan novel *Tawanan Komander Caucasus* diminati golongan remaja pembaca.

Dalam novel ini, pengarang memperkenalkan spesis kumbang menerusi watak remaja Melayu Farhani dan rakan-rakan yang diajar oleh cikgu Salimah guru subjek sains yang meminta mencari kumbang untuk projek sains di kelas mereka. Menurut Arik Efendi (2017) menyatakan kumbang predator *Menochilus sexmaculatus* Fabr. (Coleoptera: Coccinellidae) merupakan salah satu predator potensial dalam mengenalikan kutu daun. Larva dan imago merupakan stadia yang aktif sebagai predator. Menurut Hari Purnomo (2010) *Coleopatra* memiliki sayap depan yang keras, tebal dan merupakan pelindung bagi

sayap belakang dan tubuhnya. Sayap hadapan dikenali sebagai eltron. Ketika terbang sayap depan kumbang tidak berfungsi hanya sayap belakang yang digunakan untuk terbang. Sayap belakang pula dikenali sebagai elitra dan mempunyai selaput. Mulut atau muncung kumbang pula jenis penggigit dan pengunyah, kumbang juga memiliki kepala yang bebas dan kadang memanjang ke hadapan atau ke bawah serta memiliki sepasang mata yang besar. Keajaiban kejadian makhluk ciptaan Tuhan ini memberi kesedaran dan keinsafan yang mendalam kepada remaja pembaca. Penjelasan mengenai ciri-ciri *Coleopetra* dapat dibuktikan melalui pemerhatian watak remaja Melayu iaitu Farhani yang ketika itu berada di meja makan dijamu oleh Puteri Coleopetra seperti dalam petikan di bawah:

Puteri Coleopetra mempunyai badan (cangkerang) yang cantik sekali. Cangkerangnya berwarna kehijauan dan berkilat. Sekali-sekala bagaikan bercahaya pula. Sesungutnya pula panjang, tentunya berfungsi sebagai deria bau yang sensitif baginya

Tawanan Komander Caucasus, (2010:Hlm.83)

Spesis kumbang yang seterusnya ialah *lampyridae*. Kata *lampyridae* berasal dari bahasa Yunani iaitu *lampuris* ertinya ulat bersinar. Hari Purnomo (2010) mengatakan bahawa *lampyridae* juga di kenali sebagai lalat api atau kunang-kunang. Betina yang telah dewasa bentuknya tetap seperti larva, sedangkan yang jantan berbentuk seperti kumbang. Tetapi kedua-dua spesis ini mempunyai badan yang bersinar. Organ yang bersinar itu tersusun dari sel-sel yang mengandungi lemak yang banyak, urat saraf dan pembuluh darah yang paling kecil iaitu *tracheae*. Trachea ini berfungsi untuk menghasilkan sinar atau cahaya. Farhani watak remaja Melayu dalam novel ini begitu kagum dengan bentuk rupa kumbang dan bersyukur atas kejadian makhluk ciptaan Allah SWT. Hal ini dapat dilihat melalui petikan berikut:

Kami dipanggil Lampyridae dalam bahasa Latin. Maksudnya “Api yang bercahaya”. Bara tiba-tiba bersuara. “Kadang-kadang keluargaku juga dipanggil kunang-kunang”, terangnya penuh bangga.

Tawanan Komander Caucasus, (2010:Hlm.40)

Berdasarkan petikan di atas, pengkaji mendapati bahawa pengarang tidak mereka-reka fakta ilmu sains berkaitan bentuk fizikal spesis kumbang yang ditokok tambah dengan imaginasi pengarang tetapi informasi yang diberikan dapat dibuktikan kesahihannya. Penerapan ilmu bantu mengenai spesis kumbang ini telah memberi ilmu yang bermanfaat dan kesedaran kepada remaja agar menghargai makhluk lain di muka bumi. Kesedaran ini penting bagi memberi keseimbangan hidup dengan memupuk pemikiran kerohanian dalam jiwa golongan remaja khususnya remaja Melayu. Hal ini jelas dinyatakan oleh Shahnon Ahmad (1991) bahawa sastera yang baik ialah sastera yang dapat mendidik manusia kerana perkataan sastera itu sendiri membawa maksud akliyah atau ilmu. Hal ini juga bersesuaian dengan pendapat Mohd Yusof Hasan (2007) yang mengatakan bahawa dalam pembinaan sesebuah karya sastera sewajarnya mengandungi pemikiran kerohanian yang diseimbangkan dan disepadukan dengan pemikiran kesaintifikian yang bersifat logik, saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan berdasarkan bukti-bukti dan fakta yang tepat. Dengan ini, akan memimpin pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu yang baik akhlaknya seiring dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Menyedari akan masalah global, kurangnya penekanan terhadap pemikiran kerohanian, maka dalam novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya telah mendedahkan kerakusan sikap segelintir manusia yang mengejar sains dan teknologi sehingga mengabaikan keseimbangan ekosistem. Hal ini demikian kerana manusia yang digelar saintis menjadikan serangga atau haiwan sebagai bahan uji secara berlebihan sepetimana watak remaja Melayu Farhani telah mengumpulkan kumbang-kumbang. Sikap seperti inilah yang menyebabkan spesis kumbang berdendam dengan manusia sehingga menculik Farhani dan Kim Yang. Petikan di bawah menjelaskan situasi tersebut:

“Ooo... cukup serik, tapi itulah pengajaran buat kami, makhluk manusia yang selalu bertindak konon atas kemajuan sains. Kami tak pernah menyelami perasaan makhluk lain yang terkurung di dalam tabung uji. Maafkan kami, ya...” Kim Yang pula menyatakan isi hatinya.

(*Tawanan Komander Caucasus*, 2010:157)

Berdasarkan petikan kedua-dua novel tersebut jelaslah bahawa kerakusan manusia mengejar sains dan teknologi kerana kepentingan diri dan tidak memahami konsep pemikiran kerohanian keagamaan terikat antara etika dengan hukum agama (Islam). Hal ini selari dengan pendapat Imam Musbikin (2012) yang mengatakan bahawa kaitan antara hukum (agama Islam) dan etika sangat penting kerana hukum sebenarnya ialah amalan sikap tindakan etika. Apabila pemikiran kerohanian selalu mendahului atau merupakan sendi dasar kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi, maka hukum dan peraturan sebagai amalan tindakan etika dan moral selalu akan dikendali dengan baik. Hal ini kerana, Islam menganjurkan sains dan teknologi yang dihasilkan harus seimbang dengan keperluan hidupan makhluk dan perjalanan alam tabii. Maka, sebab itu akan tercapailah matlamat hidup golongan remaja yang sejahtera dan bahagia di dunia ini. Sebaliknya aktiviti sains dan teknologi yang bercanggah dengan pemikiran kerohanian yang berlandaskan prinsip keadilan, wujud kezaliman yang akan membawa keburukan dan kehancuran kepada manusia serta alam seluruhnya. Sebagaimana yang kita alami sekarang ini hasil daripada sikap tamak yang mementingkan diri serta salah guna ilmu seperti sains barat yang menyimpang daripada prinsip-prinsip keadilan sejagat. Oleh yang demikian, bentuk sains Islam adalah bersifat sosial alamiah dan rohaniah (Muhammad Yusuf Khalid et.al.,2005). Hal ini juga berlaku kerana manusia tidak mempunyai ciri-ciri pemikiran kerohanian seperti yang dinyatakan oleh Mohd Yusof Hasan (2007) berteraskan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesaan Allah SWT.

Novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) yang mengetengahkan akhlak bersopan santun atau berbudi pekerti menerusi watak remaja Melayu Farhani. Dalam novel tersebut, Farhani digambarkan sebagai seorang remaja Melayu yang sangat menjaga tutur kata dan perbuatan sebagai contoh semasa menunjukkan cecair *izrael endosulfan* kepada Dara Merah, dia menggunakan bahasa yang lembut kepada Dara Merah. Hal ini kerana, cecair *izrael endosulfan* merupakan racun yang sangat digeruni oleh spesis kumbang kerana cecair tersebut digunakan oleh manusia untuk menghapuskan kumbang-kumbang yang merosakkan tanaman mereka. Oleh yang demikian, Farhani berhati-hati dalam menuturkan kata-kata agar Dara Merah tidak tersinggung. Ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

Dia bimbang mereka akan tersinggung apabila melihatnya kelak. Dia perlu berhati-hati seperti yang dipesan oleh orang tua-tua, umpama menarik rambut di dalam tepung, tepung jangan berserak, rambut jangan putus. Akhirnya, setelah

mempertimbangkan dengan mendalam akan hal itu, dia pergi menemui Dara Merah. Dia ingin menunjukkan botol itu kepadanya biarpun dia menyedari cecair izrael endosulfan dapat mengancam nyawa mana-mana spesis kumbang.

Tawanan Komander Caucasus, (2010:Hlm.133)

Dalam hal ini Yaacob Haron (1991) menegaskan bahawa pendidikan akhlak golongan remaja dan kanak-kanak disulami unsur pemikiran kerohanian perlu bermula dari rumah. Ibu bapa adalah guru pertama kepada anak-anak dalam proses mendapatkan didikan yang sempurna. Dalam hal ini, watak remaja Melayu Farhani telah dididik dengan sempurna oleh ayah dan ibunya. Malahan, sikap ibu Farhani yang bersabar, bercakap dengan lemah lembut serta tidak menyalahkan Cikgu Salimah ketika berbincang mencari Farhani yang hilang. Didikan bermula dari awal kanak-kanak akan membentuk imej remaja yang bersopan santun dan berbudi pekerti setelah mereka dewasa kelak. Ini juga selari dengan pendapat Mohd Yusof Hassan (2007) sebagai Pemikiran Kerohanian yang berteraskan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap Allah SWT. Hanya golongan manusia yang memiliki pemikiran kerohanian yang tinggi sahaja yang akan melakukan suruhan dan meninggalkan laranganNya seperti bersopan santun dan berbudi pekerti.

Budaya orang Melayu menganjurkan akhlak saling menghormati antara satu sama lain. Dalam hal ini, masyarakat Melayu khususnya golongan remaja Melayu digalakkan untuk memberi penghormatan terlebih dahulu kepada orang lain seperti memberi salam dan berjabat tangan. Orang yang tidak membalas penghormatan yang diberikan akan dipandang rendah terutamanya dalam masyarakat Melayu itu sendiri. Rosnani Md Zain dan Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2017) dalam kajian mereka menegaskan bahawa unsur hormat-menghormati sewajarnya diteruskan oleh generasi akan datang dalam melahirkan masyarakat Malaysia yang harmoni dan bersatu-padu. Sikap hormat-menghormati ini misalnya dapat dikesan dalam novel KOMSAS 2020.

Selain itu, pemikiran kerohanian unsur pendidikan akhlak dan penyerapan unsur Peribahasa Melayu dalam hal menghormati ahli keluarga seperti masyarakat Melayu mengamalkan budaya menghormati tetamu. Menurut ajaran agama Islam, tetamu hendaklah dilindungi, dimuliakan dan dilayan sebaik mungkin, malah tuan rumah dituntut agar berkurban dan tidak mementingkan diri sendiri demi menjaga dan menghormati tetamu dengan percakapan bahasa yang lembut dan kurang menyenggung perasaan pendengarnya. Hasrina Baharum dan Nordiana Hamzah (2017) menyatakan Peribahasa ialah ayat atau kelompok kata dengan susunan tetap dan maksudnya berisi nasihat daripada kata-kata orang tua atau warisan Melayu lama yang mengandungi ajaran tertentu di dalamnya. Oleh yang demikian, tetamu sentiasa dipandang baik oleh masyarakat Melayu dan diraikan dengan sebaik-baiknya meskipun tetamu tersebut orang yang tidak disenangi. Dalam novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya dan novel *Leftenan Adnan Wira Bangsa* (2014) memaparkan pemikiran kerohanian pendidikan budaya akhlak dan penerapan Peribahasa dalam masyarakat melayu yang melayan baik tetamu dapat dilihat menerusi watak Puan Asmah iaitu ibu kepada Farhani. Kunjungan Cikgu Salimah di sambut baik oleh Puan Asmah dengan menghidangkan minuman dan makanan. Puan Asmah juga tidak pernah menyalahkan Cikgu Salimah atas kehilangan anaknya ketika mencari spesis kumbang di dalam hutan. Juga ucapan Pak Saidi kepada Pak Karim yang berkunjung ke rumahnya

dengan mengungkapkan ayat Peribahasa Melayu kepada Pak Karim. Ini dapat dilihat dalam petikan :

Perlahan-lahan Puan Asmah menaiki anak-anak tangga dari ruang dapur yang terdapat di tingkat bawah. Dia menatang dulang berisi kuih dan cawan-cawan yang masih kosong. Selesai dia meletakkan dulang di atas meja, dia kembali ke dapur untuk mengambil teko.

(Tawanan Komander Caucasus, (2010:Hlm.55)

“..Saya faham perasaan awak, diluah mati emak, ditelan mati bapa”, kata Pak Karim kepada Pak Saidi.

(Leftenan Adnan Wira Bangsa, (2014:Hlm.97)

Justeru, pemaparan sikap Puan Asmah yang warisi oleh anaknya watak remaja Melayu Farhani dalam novel *Tawanan Komander Caucasus*(2010) tersebut membuktikan mereka merupakan watak yang mempunyai perwatakan yang ada pemikiran kerohanian seperti yang disarankan oleh Mohd Yusof Hasan (2007). Menurut pemikiran ini, sesebuah karya harus menampilkan watak memaparkan cerminan keimanan yang tinggi dan hebat, mengetengahkan budaya akhlak yang dituntut agama. Watak-watak sebegini yang seharusnya diketengahkan oleh pengarang dalam memupuk pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dan kepada remaja pembaca.

Pemikiran kerohanian dalam unsur pendidikan akhlak juga menyarankan budaya tolong-menolong dalam masyarakat, khususnya golongan remaja Melayu yang turut dikesan dalam novel KOMSAS 2020. Secara umumnya, tolong-menolong adalah sikap saling memberi pertolongan dan menyokong antara satu sama lain. Dalam hal ini Che Bakar Che Mat et.al. (2007) menjelaskan bahawa tolong-menolong boleh dilakukan mengikut keadaan, kemampuan yang boleh ditunaikan antaranya pertolongan dari segi harta benda dan pertolongan dari segi masa. Misalnya dalam novel *Tawanan Komander Caucasus* (2010) karya Ruzaini Yahya memaparkan sikap suka membantu dalam kalangan masyarakat Melayu. Hal ini jelas digambarkan menerusi sikap prihatin penduduk kampung yang menawarkan bantuan untuk mencari remaja Melayu Farhani dan rakan sekelasnya Kim Yang. Mereka ditugaskan untuk mencari spesis kumbang oleh guru sains, Cikgu Salimah. Malang menimpa apabila kedua-dua murid tersebut dikatakan hilang ketika mencari spesis kumbang di hutan. Keprihatinan sikap penduduk setempat dapat dilihat melalui petikan berikut:

Ramai pula yang menawarkan diri untuk mencari Kim Yang dan Farhani menggunakan ilmu batin.

Tawanan Komander Caucasus, (2010:Hlm.51)

Justeru, pemikiran kerohanian unsur tolong-menolong yang dipaparkan dalam novel KOMSAS 2020 tersebut juga merupakan tuntutan dalam ajaran agama Islam. Ini dapat dibuktikan menerusi firman Allah SWT seperti dalam petikan di bawah:

“Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebijakan dan bertaqwa, janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah amat berat azab seksanya (bagi sesiapa yang melanggar perintahnya)”.

(Surah al-Maidah: ayat 2)

Hal ini juga selari dengan pendapat Mohd Yusof Hasan (2007) yang menjelaskan Pemikiran Kerohanian sebagai pemikiran yang berhubung dengan keimanan, ketauhidan dan kepercayaan manusia terhadap keesanaan dan kebesaran Allah SWT. Manusia yang memiliki ciri-ciri pemikiran kerohanian akan mengikuti segala suruhan Allah dan meninggalkan laranganNya. Ini jelas terbukti bahawa pemikiran kerohanian unsur tolong-menolong yang diterapkan menerusi pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 merupakan sebahagian daripada suruhan Allah SWT. Watak-watak golongan remaja Melayu yang mempunyai pemikiran kerohanian sebeginilah yang seharusnya diketengahkan oleh pengarang novel KOMSAS dalam memupuk pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu khususnya dan kepada remaja pembaca amnya.

Penutup

Berdasarkan hasil penelitian unsur pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu ke atas lima novel KOMSAS 2020 ini, dapat disimpulkan bahawa cerita yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan kehidupan dunia golongan remaja khususnya watak remaja Melayu. Kajian memfokuskan kepada pemikiran kerohanian yang didapati pemikiran paling dominan dalam novel KOMSAS 2020. Selain itu, unsur pemikiran kerohanian yang terkandung dalam novel KOMSAS 2020 ini dilihat menerusi watak-watak remaja Melayu dan tema-tema yang dibangunkan dalam karya boleh dijadikan contoh dan tauladan yang berguna kepada remaja pada masa kini dan akan datang. Hal ini didapati bersesuaian dalam membangunkan kerohanian remaja Melayu mengikut situasi, kondisi serta sifat watak remaja Melayu agar bertepatan dengan unsur pemikiran kerohanian yang terkandung dalam teori SPB4K yang digagaskan oleh Mohd Yusuf Hassan (2007) yang diaplikasikan dalam kajian ini. Kenyataan ini disokong oleh kajian Nurhamiza Hashim (2020) berpendapat remaja hari ini adalah warisan remaja hari esok. Diharapkan hasil analisis dan kerangka pemikiran kerohanian golongan remaja Melayu dalam novel KOMSAS 2020 berdasarkan pemikiran pengarang ini akan mendorong pengkajian lanjutan masa akan datang dalam aspek yang lain pula. Oleh itu, golongan remaja Melayu harus meletakkan diri di tempat yang wajar dan menggunakan ilmu pemikiran kerohanian mereka agar meningkatkan martabat bangsa dan negara.

Penghargaan

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr. Hasrina Baharum dari Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas bimbingan berterusan, tunjuk ajar ilmiah yang tajam, serta dorongan yang amat bernilai sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Setinggi penghargaan juga ditujukan kepada Profesor Madya Mohd Sohaimi bin Esa dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang telah memberikan pandangan kritikal dan sokongan konseptual yang memperkuuh landasan teori serta analisis kajian, khususnya dalam memahami pemikiran kerohanian dalam karya sastera remaja. Saya turut mengucapkan terima kasih kepada Tuan Firdaus dari Global Akademik Excellent (GAE) atas sokongan penerbitan serta urus tadbir teknikal yang efisien, yang amat membantu dalam penyediaan artikel ini untuk penerbitan. Jutaan terima kasih juga ditujukan kepada para penyemak (reviewer) yang budiman atas maklum balas yang membina, profesional dan objektif, yang telah memperhalusi kandungan dan mutu akademik artikel ini secara keseluruhan dan semua pihak yang membantu. Tidak dilupakan, setulus-tulus penghargaan kepada suami tercinta, Haji Abdul Rafaie bin Rosli, atas sokongan spiritual, emosi dan intelektual yang tidak pernah luntur, serta pengorbanan beliau sepanjang proses

penulisan kajian ini. Beliau adalah sumber kekuatan dan inspirasi utama yang mendorong kejayaan kajian ini hingga ke peringkat penerbitan. Akhir sekali, saya memanjatkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT atas segala kurnia dan taufik yang memungkinkan penulisan dan penyempurnaan artikel ini dengan lancar dan bermakna.

Rujukan

- Abdul Halim Ali. (2016). Pengalaman sebagai Bekas Panel Pemilihan KOMSAS di Kementerian Pendidikan Malaysia. Perak
- Abdul Latip Bin Talib. (2014). Leftenan Adnan Wira Bangsa. Novel Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 4. Selangor: Mika Cemerlang Sdn.Bhd.
- Aminudin Mansor. (2015) Akal Budi Melayu dalam Pantun dan Sajak. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ani Omar. (2015). Pendidikan Sastera Remaja di Malaysia dalam Membina Generasi Unggul Berasaskan Falsafah Pendidikan Negara. Pendeta–Jurnal Bahasa dan Sastera Melayu. Vol.5.
- Ani Omar. (2016). Sastera Remaja di Malaysia Model Pembentukan Generasi Unggul. Tanjung Malim: Penerbit Mentari.
- Atira Norlan. Hlmn. 44-45. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahya. (2017). Permasalahan Sosial di Kalangan Remaja: Satu Cabaran. Jurnal UTMPress, Skudai Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Beb Sabariah. (2015). Tirani. Novel Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Sastera. (2015). Laporan Hadiah Sastera Perdana Malaysia 2015/2016. Kategori C: Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja.
- Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2016) Pemikiran Kerohanian dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Muktahir dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak. Pendeta: Journal Of Malay Language, Education and Literatur. Jilid 7,35-51.
- Farra Humairah Mohd. (2018). Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 hingga 2015. (Tesis Doktor Falsafah), Universiti Putra Malaysia.
- Hasrina Baharum. (2018). Sejambak Bakti Novel Komponen Sastera (KOMSAS) Tingkatan Satu Sebagai Sumber Farra Humairah Mohd, Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Nik Rafidah Nik Muhamad Afendi & NurFarakhanna Mohd Rusli. (2020). Pemikiran Budaya dalam Cerpen Kanak-Kanak Tahun 2012 hingga 2015 dan KesanPositif Kepada Kanak-Kanak. ResearchGate. Publication. November 2020. Kesusasteraan Pelbagai Budaya dalam Pendidikan Kepelbagaian Budaya Untuk Pelajar: Satu Tinjauan. Proceeding of the 1 st International Teacher Education Conference on Teaching Practice, 515 – 526.
- Hasrina Baharum dan Nordiana Hamzah. (2017)." Teks KOMSAS Sebagai Sumber Pembelajaran dan Pengajaran Peribahasa Melayu Melalui Pendekatan Kontekstual". Proceeding of the International Conference on the Teaching and Learning of Languages (ICTLL). 151-165.
- Hasrina Baharum, Norazimah Zakaria, Nordiana Hamzah & Ariff bin Mohamad. (2018)." Pendidikan Kepelbagaian Budaya dalam Sejambak Bakti", JMS Volume:1 Issue1 (2018): 210-232 Hashim Awang. (1998). Kritikan Kesusasteraan: dan Penulisan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Husairi Hussin, Nor Hasimah Ismail, Mohd Isha Awang. (2020). Keupayaan Novel KOMSAS Menerapkan Nilai Perpaduan Bersikap Terbuka dalam Kalangan Murid. *Jurnal Malay Literature*. Vol 33. No 2. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maisarah Yaacob. (2017). Unsur Tarbiah dalam Novel KOMSAS. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Marzalina Mansor, Nor Hafidah Ibrahim, & Hasmawati Hassan (2016). Pemikiran dalam Novel Sebalik Yamashita dan Percivel. International Seminar on Generating Knowledge Through Research, 101-112. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Ismail Sarbini. (2014). Destinasi Impian. Novel Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 1. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noraini Ibrahim. (2018). Manifestasi Pemikiran Pengarang dalam Novel Leftenan Adnan Wira Bangsa. Tesis Sarjana. Tangjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Noraslan Norasim. (2010). Tinjauan Nilai Murni KBSM dalam Novel KOMSAS Peringkat Menengah Rendah. Tesis Sarjana. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sulatan Idris.
- Nordiana Ab. Jabar. (2014). Unsur Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam Puisi Tradisional Melayu KOMSAS. Tesis PhD, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Azhar Wahid, Nor Azimah Zakaria. (2019). Kajian Refleksi Pelajar Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Empati dalam Kesusastraan Melayu. *International Journal of Humanitics, Philosophy and Language*. vol.1. Issue 4. 73-84. perasaan empati
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Azhar Wahid, Farra Humairah Mohd. (2020). "Bahasa Emosi Marah Wanita Melayu dalam Analisis Novel Zaharah Nawawi. Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu.
- Nordiana Hamzah, Hasrina Baharum, Farra Humairah Mohd. (2020)." Kritikan Pemimpin Melayu dalam Novel Patriarch." [Researchgate.net/ publicatin](https://www.researchgate.net/publication)
- Noorhazwany Ariffin, Salmah Jan Noor Muhammad. (2019). Pemikiran dalam Novel Siber Kasih Darmia dari Aspek Teori Estetika Bersepadu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, Volume 4, Issue 4. 46-54.
- Nur Fatiha Fadila Abu Bakar. (2014). Model Remaja Unggul dalam Menikam Kalbu. Suatu Analisis Berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. *Dewan Sastera*. Bil.12. 2014. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Fatiha Fadila Abu Bakar. (2014). Intelektualisme dalam Lima Novel Anwar Ridhwan dari Sudut Persuratan Baru. Tesis Sarjana. Universiti Putra Malaysia.
- Nursham Abdul Aziz. (2015). Novel-Novel Terpilih Azizi Haji Abdullah: Kajian Intertekstualiti. Tesis PhD. Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Nurhamizah Hashim. (2015). Psikologi Keperluan Remaja dalam Novel-novel Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU). (Tesis Doktor Falsafah). Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Nurhamizah Hashim, Eiza Mat Hussani, Asbah Razali, Natasah Mat Madmin. (2020). Pemikiran dalam Novel Semanis Kyuho Karya Ghazali Lateh. *Jurnal Pengajian Melayu/ Journal of Malay Studies (JOMAS)*, Jilid 31, 151-168.
- Nur Raudah Binti Haji Siren. (2006). Falsafah Diri Remaja dalam Novel Remaja Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nurul Raihana Abdullah & Norila Md Salleh. (2016). Peranan Watak Utama Menerusi Penonjolan Nilai MurniKBSMdalam Teks KOMSAS Novel Songket Berbenang Emas. *Jurnal Peradaban Melayu*.Jilid 11,33-44.
- Osman Ayob. (2018). Meniti Impian. Novel Komponen Sastera (KOMSAS) dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rizaman Yahya, Rabiatul Adawiah Ahmad Rashid &Muhammad Zuhair Zainal. (2019). Pemikiran Kritis Remaja Muslim: Analisis Literatur. *Journal of Education Research and Indigenous Studies*, Volume:2(1),2019. Universiti Sains Malaysia